



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Khamis, 9 Jun 2022

**MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Laporan Tindakan Susulan Mengenai:
Aktiviti Kawalan Keselamatan
Zon Maritim Malaysia**

- **Kementerian Kewangan Malaysia**
- **Jabatan Perdana Menteri**
- **Kementerian Dalam Negeri**
- **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**

**PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
KHAMIS, 9 JUN 2022**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah - *Timbalan Pengerusi*
binti Mohd Dun [Beaufort]
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]
YB. Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]
YBhg. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara

Puan Zarinah binti Mat Jailaini [Peguam Kanan Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan ULKAN & OK)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

Puan Raftah binti Ibrahim [Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Puan Norzana binti Md Mustafa [Penolong Pengarah Audit]

samb/-

Jabatan Akauntan Negara

Puan Hanim binti Abdul Rahim [Ketua Penolong Pengarah]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Puan Farah Najwa binti Abd Aziz [Penolong Kanan Pesuruhjaya Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan]

SAKSI**Kementerian Kewangan (MOF)**

YBhg. Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]

Encik Sakeri bin Abdul Kadir [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan Unit Kawalan dan Pemantauan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Ybhg. Datuk Muhammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

Tuan Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian (Bahagian Audit Dalam)]

Encik Norazmi bin Ibrahim [Ketua Seksyen Audit 7 (Bahagian Audit Dalam)]

Majlis Keselamatan Negara (MKN)

Encik Zamri bin Misman [Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara (Keselamatan Strategik) Majlis Keselamatan Negara]

Encik Mohd Helmy bin Ahmad [Timbalan Pengarah (Bahagian Keselamatan dan Kedaulatan Maritim)]

Cik Nur Zahidah Syafiqah binti Adam [Penolong Pengarah (Bahagian Keselamatan dan Kedaulatan Maritim)]

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Dato' Haslina bt Abdul Hamid [Ketua Setiausaha]

Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman [Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia]

Tuan Haji Bakri bin Misuan [Pengarah (Bahagian PS)]

Cik Uraini binti Ujang [Ketua Cawangan Penguatkuasa (Bahagian PS Jabatan Perikanan Malaysia)]

Cik Noor Mahya binti Yusof [Ketua Cawangan Pembangunan (Bahagian Perancangan & Pembangunan)]

Puan Roslina binti Zakaria [Pegawai Perikanan Kanan (Bahagian PS Jabatan Perikanan Malaysia)]

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Ybhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz [Ketua Setiausaha]

Encik Zulkefli bin Abidin [Setiausaha (Bahagian Keselamatan)]

Encik Mohd Ridzuan bin Mohd Zain [Timbalan Setiausaha (Bahagian Keselamatan)]

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som [Ketua Pengarah]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KELIMA

Khamis, 9 Jun 2022

Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.01 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Salam sejahtera dan selamat pagi saya ucapkan kepada Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Mohd Dun, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat PAC Parlimen ke-14 sekalian, ahli-ahli ex-officio PAC yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, JPA, MOF, Jabatan Audit Negara, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan SPRM. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada pagi ini.

Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, pagi ini PAC akan mendapat penjelasan daripada tiga buah kementerian berkenaan dengan Laporan PAC Berhubung Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan Zon Maritim Malaysia (ZMM).

PAC telah membentangkan laporan berkenaan dengan isu ini di Parlimen pada 8 Disember 2021 selepas mengadakan dua prosiding iaitu pada 3 Ogos dan 22 September 2021. Memandangkan isu aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan zon maritim Malaysia ini dilaporkan di dalam LKAN Tahun 2018, PAC telah menggunakan punca kuasa di bawah Arahan Perbendaharaan 304(b) dan Peraturan Mesyuarat 83(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk memanggil saksi di hadapan Jawatankuasa ini.

Hadir di hadapan PAC pada pagi ini adalah Yang Berbahagia Datin Rashidah binti Mohd Sies, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) mewakili KSP yang telah memaklumkan kepada pihak saya secara rasmi berhubung ketidakhadiran beliau pada pagi ini atas tugas rasmi di luar negara dan dibenarkan oleh pihak PAC. Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, KSU Kementerian Dalam Negeri; Yang Berbahagia Dato' Haslina binti Abdul Hamid, KSU MAFI; Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail, TKSU (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri; Yang Berbahagia Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som, Ketua Pengarah APMM; Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia; dan Yang Berusaha Encik Zamri bin Misman, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara (Keselamatan

Strategik) Majlis Keselamatan Negara. Terima kasih kepada semua saksi kerana hadir pada prosiding pada pagi ini.

Saya juga dimaklumkan bahawa MOF bertindak sebagai agensi penyelaras untuk Laporan PAC bagi isu-isu yang berbangkit dalam LKAN, dan juga laporan interim untuk isu ini telah pun diterima oleh pihak Sekretariat pada 3 Mac 2022. Selain itu, MOF telah menyelaras dua lawatan bagi tujuan verifikasi iaitu membabitkan lawatan verifikasi Pangkalan Maritim Abu Bakar di bawah seliaan APMM pada 11 Mac 2022 dan lawatan verifikasi di Jabatan Perikanan berkenaan aktiviti kawalan keselamatan di Zon A di perairan Lumut, Perak.

Bagi pihak PAC, saya mengucapkan terima kasih atas tindakan proaktif MOF dalam memastikan semua pegawai pengawal memberikan maklum balas dan mengadakan tindakan susulan terhadap syor yang telah pun dikemukakan kepada Jawatankuasa ini. Jadi tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Datin Rashidah untuk memulakan pembentangan maklum balas serta tindakan susulan terhadap lima syor yang telah pun dikemukakan oleh PAC dalam Laporan PAC berhubung dengan isu ini. Dipersilakan Yang Berbahagia Datin.

Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara; Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Mohd Dun, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara; Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara; Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri; Yang Berbahagia Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan; Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri; Yang Berbahagia Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia; Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia; dan Yang Berusaha Encik Zamri bin Misman, Timbalan Ketua Pengarah MKN dan pegawai-pegawai ex-officio PAC Parlimen.

Seperti yang semua sedia maklum, aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan Zon Maritim Malaysia yang melibatkan tujuh buah kementerian dan agensi iaitu Majlis Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kementerian

Pengangkutan telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 3.

Susulan daripada itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen telah membawa isu ini ke prosiding PAC Parlimen sebanyak dua kali iaitu dalam prosiding Bilangan 4(a) dan 4(b) tahun 2021 pada 3 Ogos dan 22 September 2021. Setelah selesai sesi prosiding, PAC Parlimen telah mengemukakan sebanyak lima syor dan berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh pegawai pengawal selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304(b) iaitu setelah PAC mengeluarkan laporannya, ia berkehendakkan tindakan susulan diambil ke atas setiap syor yang dikemukakan. Tindakan susulan terhadap syor-syor PAC oleh pegawai pengawal kemudiannya perlu dilaporkan kepada Kementerian Kewangan. MOF seterusnya akan mengemukakan kepada PAC satu laporan muktamad tindakan susulan pegawai pengawal ke atas syor-syor PAC.

Sehubungan dengan itu, pada hari ini, MOF bersama-sama KDN, JPM dan MAFI akan menyampaikan taklimat ringkas kepada Ahli-ahli PAC Parlimen berhubung tindakan susulan yang telah dan sedang diambil berhubung isu ini.

Seterusnya, izinkan saya menjemput Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Setiausaha KDN bagi membentangkan tindakan susulan bagi syor pertama melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, disusuli oleh Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri bagi syor kedua dan ketiga di bawah MKN JPM, dan seterusnya Yang Berbahagia Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI untuk syor keempat dan kelima melibatkan Jabatan Perikanan Malaysia.

Sehubungan itu, saya mohon dan mempersilakan Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, KSU KDN untuk membuat pembentangan seterusnya. Silakan.

Tuan Pengerusi: Ya, dipersilakan Dato' Sri KSU.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz [Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri]: Okey, terima kasih Yang Berbahagia Datin. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Malaysia; Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli, Ahli PAC, rakan-rakan daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Pertanian.

Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak PAC kerana memberikan peluang kepada KDN untuk membentangkan maklum balas laporan tindakan susulan berkaitan dengan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Berhubung Aktiviti Kawalan Keselamatan Zon Maritim Malaysia.

■1010

Jadi, tujuan pembentangan pada kali ini adalah untuk memaklumkan laporan tindakan susulan daripada Pegawai Pengawal Kementerian Dalam Negeri ke atas syor-syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan Zon Maritim Malaysia (ZMM).

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa PAC pada prosiding DR.18/2021, Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan ZMM, rumusan berserta syor PAC Parlimen yang berkaitan dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di bawah KDN adalah seperti berikut.

Pertama, prestasi kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM adalah tidak optimum dan perlu dipertingkatkan dengan segera. Keupayaan aset haruslah diperbaiki dan liputan SWASLA haruslah lebih menyeluruh.

Syor terhadap perkara 7.1; kerajaan hendaklah menyediakan peruntukan secukupnya bagi tujuan penaiktarafan aset-aset kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM. Keutamaan harus diberikan kepada penyediaan SWASLA di kawasan-kawasan tumpuan. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, antara kekangan utama yang dihadapi oleh APMM adalah:

- (i) kebanyakan aset telah berusia dan usang;
- (ii) jaringan komunikasi di laut yang terbatas;
- (iii) kawasan operasi yang luas; dan
- (iv) peralatan sokongan operasi yang terhad.

Jadi, kesemua kekangan ini memberi implikasi terhadap perancangan APMM dalam menyelesaikan isu-isu strategik di ZMM seperti berikut:

- (i) kemasukan kapal penguat kuasa asing;
- (ii) pencerobohan bot nelayan asing; dan
- (iii) aktiviti jenayah rentas sempadan seperti kemasukan pendatang asing tanpa izin dan penyeludupan migran, barang terlarang dan juga barang kawalan.

Jadi, sehubungan dengan itu, dalam usaha untuk mengatasi isu-isu strategik yang dihadapi di Zon Maritim Malaysia, APMM telah mengambil pendekatan dengan memberi penumpuan kepada pembangunan dan pemantapan keupayaan aset menerusi strategi seperti berikut:

- (i) mengukuhkan Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA);
- (ii) memantapkan kemampuan kapal;
- (iii) meningkatkan keupayaan aset pesawat udara;
- (iv) mengukuhkan keupayaan aset carilamat dan bantuan bencana maritim; dan
- (v) memantapkan Sistem Telekomunikasi Malaysia Coast Guard Net (MCGNET)

Okay, next. Seterusnya, saya akan menghuraikan strategi pertama iaitu mengukuhkan Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA). Untuk makluman, Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA) adalah satu sistem yang diwujudkan bagi pengawasan keselamatan ke atas perairan maritim. Pada masa kini, operasi SWASLA adalah merangkumi kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia di mana kita memiliki 11 buah radar serta di kawasan Pantai Barat Sabah iaitu kita memiliki tiga buah radar.

Dalam usaha untuk mengatasi isu litupan SWASLA di Pantai Timur Sabah, pembangunan projek SWASLA Sabah Fasa 2 di *Area Control Center (ACC)* Sandakan dan *Remote Sensor Site (RSS)* Malawali, Sabah telah diluluskan pelaksanaannya sebanyak RM35 juta. Status semasa projek ini ialah permohonan kepada peningkatan kos projek dan telah diangkat ke Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 20 Mei 2022 disebabkan terdapat isu kos pengangkutan dan kos pembelian sistem serta kejatuhan nilai wang ringgit.

Selain itu, untuk memastikan SWASLA sedia ada sentiasa berada dalam keadaan yang terbaik dan kondusif untuk beroperasi, APMM telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) RMKe-11 tahun 2020 bagi Projek Naik Taraf SWASLA dengan kos sebanyak RM131.73 juta. Kerja-kerja menaiktaraf SWASLA ini sedang berjalan di 14 buah lokasi di Semenanjung Malaysia dan empat buah lokasi di Sabah. Tempoh akhir kontrak bagi projek ini adalah pada 31 Januari 2023. APMM juga komited dalam memperluaskan kawasan pemantauan SWASLA di Pantai Timur Semenanjung dan Sarawak menerusi permohonan perolehan SWASLA bagi Pantai Timur Semenanjung meliputi Pulau Perhentian, Pulau Tenggol dan Pulau Tioman dan Sarawak di Kuching, Bintulu dan Miri di bawah RP3, RMKe-12 pada tahun 2023 dengan kos sebanyak RM350 juta. Ini telah kita mohon dalam RP3, Tuan Pengerusi.

Dalam hal yang sama, bagi mengukuhkan dan memantapkan pengoperasian SWASLA yang sedia ada di pantai timur Sabah, APMM juga telah mengemukakan permohonan naik taraf dan membaiki *Remote Sensor Site* di Pulau Gaya dan Pulau

Balambangan, Sabah di bawah RP3, RMKe-12 pada tahun 2023 dengan kos sebanyak RM36.1 juta. Jadi, yang sedia ada kita memohon untuk dinaik taraf dan yang belum ada lagi, kita memohon untuk diadakan SWASLA di kawasan-kawasan yang saya nyatakan tadi. Strategi kedua adalah untuk memantapkan...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Naib Pengerusi.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Sila.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dato' KSU, saya hendak bertanya sebab masalah Sabah ini selalu akan dikaitkan dengan kita punya *border* yang terlalu panjang itu bukannya?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Apa? Tidak dengar.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Boleh dengarkah?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Tidak dengar, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: *Sorry.* Masalah di Sabah ini selalu dikaitkan dengan *border* yang terlalu panjang. Saya selalu bercakap dengan pihak tentera pun, mereka berkata yang sama. *The threat is very real.*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Betul.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Akan tetapi, keadaan beginilah; pengawasan, radar – semua itu memang amat-amat tidak mencukupi.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Betul.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Mereka sendiri bercakap dengan saya *you know*, bahawa *the threat is very real* but then apa yang dibuat di sana itu, amat-amatlah tidak mencukupi.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: *There is no way that* kita punya – katalah penguatkuasa kita, tentera kita semua akan dapat melihat keadaan dan mengambil tindakan kerana pengawasan ini – *monitoring system is very bad.*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Betul.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: So, saya tidak tahulah apa yang Dato' KSU cadangkan tadi sebab sama ada

ini boleh membantu kita ataupun *you know*, nanti ada serangan lagi datang kepada kita dan – *that's it you know*.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya sangat setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Memang di Sabah *especially* sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, kita di pantai barat kita masih belum ada – Dato' Zubir ya? Kita cuba untuk mempertingkatkan di kawasan pantai timur Sabah. Ini kerana, sebagaimana Yang Berhormat tahu dari segi kekangan kewangan kerajaan, memang setiap tahun Yang Berhormat, KDN memang minta untuk mewujudkan SWASLA di Sabah dan juga *upgrade* yang sedia ada, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Dato' KSU, kami di Sabah tidak mahu dengar lagi tidak ada duit itu. *[Ketawa]*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Jadi, tidak apa Yang Berhormat. Saya boleh menyampaikan isu ini kepada *central agency* yang meluluskan permohonan kami. Akan tetapi di peringkat kami KDN, kami tahu apa keperluan sebenar kami. Memang setiap RMK ataupun RP, memang kita memohon. Malah, saya peringkat merayu dengan EPU untuk permohonan bagi pemasangan SWASLA ini Yang Berhormat. Akan tetapi *insya-Allah*, kita akan tengok dengan lebih teliti lagi keperluan-keperluan tersebut dan memang dalam tindakan kita dari segi permohonan. Cuma tunggu *insya-Allah*, kelulusan daripada pihak EPU sahaja. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Lumut, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Dato' KSU. Pertamanya, saya hendak bertanya permohonan di bawah *Rolling Plan* yang sebelum ini ditolak sama ada di Pantai Timur Semenanjung ataupun di Sarawak, adakah diberikan apa-apa alasan *besides lack of fund*-lah. *Lack of fund* tadi bak kata Yang Berhormat Beaufort itu, tidak perlu sebutlah ya. Adakah kerana dengan *limited fund* itu, *this is considered less priority*? Itu satu ya.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Keduanya, di pantai barat Sabah itu ada tiga buah radar.

■1020

Apakah langkah-langkah menambah keupayaan Sandakan ACC dan juga Malawali itu setaraf dengan keupayaan radar? Maksud saya, kita tahu Pantai Timur Sabah ini adalah *happening*. Orang kata *happening*, bahasa orang muda sekarang ini. Tidakkah ia memerlukan satu keupayaan yang lebih tinggi atau pun mungkin saya

tidak faham, ya, peranan ACC itu— yang *centre* di Sandakan itu sudah cukup baik, hanya memerlukan *upgrading* atau pun memang tidak berhajat untuk mengadakan satu sistem yang lebih baik? *I presume radar is the best form of monitoring*, pantai itu. Jadi kenapa tidak dimohon diadakan sistem radar yang lebih baik di sebelah sana? Terima kasih.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Sebelum Dato' Sri menjawab, saya ingin menambah sedikit berkenaan dengan soalan pertama daripada Yang Berhormat Lumut tadi. So semasa prosiding kita sedia maklum bahawa sistem pengawasan di Pantai Timur Semenanjung dan Sarawak memang langsung tidak ada.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Langsung tidak ada. Betul.

Tuan Pengerusi: So itu masalah yang kita hadapi dan kita nampak di sini, RP1 dan RP2 ditolak seperti ditanya oleh Yang Berhormat Lumut, apakah alasan selain daripada peruntukan, apakah alasan yang diberikan oleh— kenapa kedua-dua ini ditolak? Apabila kita memasukkan permohonan semula di bawah RP3, so apakah justifikasi kita yang berbeza daripada RP1 dan RP2 supaya ia boleh dilaksanakan atau pun mempunyai satu peluang untuk diluluskan? So, itu satu.

Nombor dua, dalam masa interim ini, sebelum RP3 diputuskan— sebelum permohonan di bawah RP3 diputuskan, apakah tindakan interim yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa keselamatan dan pengawasan maritim laut di sebelah Pantai Timur dan juga di sebelah Sarawak adalah terjamin?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Lumut. Dari segi permohonan bajet kami yang ditolak dalam RP2 sebelum ini, memang betul alasan kerana kekangan kewangan kerajaan. Saya tidak nampak bahawa mereka melihat isu keselamatan bukanlah satu isu yang perlu ditangani dengan semudah itu. Akan tetapi saya melihat perkara ini tidak diberikan sedikit keutamaan oleh kerajaan kerana ada perkara-perkara lain yang menjadi *priority* di pihak kerajaan. Jadi sekiranya kalau ada wakil daripada EPU yang mungkin boleh membantu dari segi kenapa perkara ini ditolak, saya mempersilakan kalau ada.

Adakah daripada EPU? Tidak ada, ya? Okey, kedua Yang Berhormat, dari segi justifikasi kita untuk permohonan bagi RP3 ini, kita juga telah memasukkan elemen-elemen terutama di kawasan Pantai Timur Semenanjung, elemen-elemen kemasukan nelayan warganegara Vietnam yang telah mencuri hasil laut kita, yang

mengakibatkan kerugian berbilion kepada negara dan juga kemasukan sementara di sebelah Sarawak adalah kemasukan kapal-kapal penguatkuasa dari Republik Rakyat China, yang juga menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Itu antara elemen-elemen baru yang kita *highlight*-kan kepada pihak *central agencies* supaya diberi perhatian yang lebih serius, Yang Berhormat.

Dari segi...

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Hj Mohd

Dun: Ini melibatkan makanan ini, untuk rakyat Malaysia.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, ya. Betul.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Hj Mohd

Dun: *Kan?* Kita berhadapan dengan masalah tidak mencukupi bahan makanan.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Betul.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Hj Mohd

Dun: *So, I think that's very important.*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Hj Mohd

Dun: *Thank you.*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Saya setuju, Yang Berhormat Beaufort. Mungkin Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som boleh *explain* sedikit berkaitan dengan langkah-langkah yang kita ambil *in order* untuk kita memastikan perairan kita masih selamat walaupun kita tidak ada SWASLA di Pantai Timur Semenanjung dan juga di perairan Sarawak, Yang Berhormat.

[Ahli-ahli berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Ya, MOF ada? Ya. Boleh beri ulasan sedikit.

Encik Sakeri bin Abdul Kadir [Setiausaha Bahagian, Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC. *So*, dalam konteks mengenai dengan bajet ini memanglah, banyak perkara kita perlu tengok. Ada dua iaitu bajet pembangunan dan juga bajet pengurusan, dalam konteks bajet tadilah, seperti mana yang Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz sebut. *So*, dalam konteks untuk perkara-perkara yang memerlukan peruntukan yang besar itu memang ke EPU lah. EPU akan mempertimbangkan, itu pun berdasarkan kedudukan kewangan pada ketika itu yang mana ditentukan oleh MOF berdasarkan kita punya kedudukan fiskal lah. Kita kena tengok dalam konteks itu.

Buat masa sekarang, saya cuma boleh *respond* begitulah. So, dari segi projek-projek DE memang kita serahkan kepada EPU untuk menentukan, berdasarkan siling atau pun kemampuan kewangan pada sesuatu ketika itulah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh, sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya minta kalau boleh MOF mengambil kira maklum balas daripada pihak kementerian dan juga situasi secara *contextual, kan?* Isu sekuriti makanan negara yang terkesan dan apabila kita tidak melabur dari segi ini, walaupun kita ambil kira kedudukan fiskal negara tetapi akibatnya adalah kehilangan hasil dan sumber makanan untuk negara. Jadi saya faham tetapi *it's important since* wakil EPU tidak ada tetapi bagi maksud *hearing* atau pendengaran hari ini, saya mohon agar MOF dapat dikhabarkan kepada pihak atasan.

Encik Sakeri bin Abdul Kadir: *Insyallah* kita akan kongsi dengan pihak yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Cuma sebelum Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz sambung, berkenaan dengan isu yang sama, saya hendak memahami dengan lebih lanjut prosedur dalam permohonan peruntukan ini oleh pihak kementerian. So, kita dengar di sini bahawa pihak kementerian ada mohon tetapi EPU akan membuat rekomendasi (*recommendation*) dan selepas itu tidak diluluskan dan MOF pun akan mengkaji berkenaan dengan kedudukan fiskal dan sebagainya dalam mempertimbangkan segala permohonan ini.

I was wondering, isu ini bagi PAC memang satu isu yang penting. Isu yang melibatkan pengawasan dan juga keselamatan negara. Seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi, juga *our income, our* sumber yang mana terdapat pencerobohan kapal-kapal nelayan asing. So, *that is for a fact*. Itu semua berlaku. So, sama ada— *is there any discussion, any talk between the Ministers at the Minister level, so that—* sama ada di tahap Menteri ada perbincangan sebegini untuk memahami dengan lebih lanjut, apa yang sebenarnya berlaku, apa yang sebenarnya diperlukan oleh Kementerian Dalam Negeri kerana *of course, EPU, a lot of times they will look at the numbers and figures*. MOF pun sama. MOF pun sama tetapi bagaimana kita boleh *prioritise*-kan isu-isu sebegini. PAC telah membantu dengan memberikan syor kita yang pertama. *We make it very clear*. Peruntukan yang mencukupi haruslah disediakan. So, *can the Minister, write on that, have a Minister-to-Minister talk over the matter and get the matter sorted out?*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Sebenarnya, dalam penyediaan bajet dalam setiap RP, memang di peringkat pegawai kita akan mengadakan satu mesyuarat bersama dengan *central agency* dan kita menyatakan keutamaan kementerian berdasarkan agensi-agensi di bawahnya. Kemudian dia ada semakan bajet yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri. Yang Berhormat Menteri Kewangan memang berhubung dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan kita memang *highlight* apa keperluan kita, Yang Berhormat. Dari segi peringkat Menteri pun memang ada perbincangan. Jadi saya percaya kekangan-kekangan tertentu yang menyebabkan perkara ini berlaku, Yang Berhormat.

■1030

Akan tetapi, saya sangat bersetuju dengan komen Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa perkara berkaitan dengan sekuriti atau keselamatan negara dan sekarang ia telah terpalit pula kepada isu sekuriti makanan. Ini kerana hasil laut kita dibawa keluar dengan secara *illegal* oleh nelayan dari luar negara.

Jadi, perkara ini saya sangat berharap sekiranya mendapat perhatian yang lebih daripada agensi pusat berkaitan dengan pewujudan SWASLA dan juga penaiktarafan SWASLA sedia ada untuk memastikan perairan negara kita selamat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Dato' Zubil untuk memaklumkan sedikit berkaitan dengan *operational* kita di mana di kawasan Pantai Timur Semenanjung dan juga di perairan Sarawak yang sekarang ini kita masih belum ada sistem SWASLA untuk memastikan keselamatan perairan kita terjaga. Silakan, Dato' Zubil.

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som [Ketua Pengarah (Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi Tuan Pengerusi Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Naib Pengerusi Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Yang Berhormat Puan Nurul Izzah binti Anwar dan Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md Ramli. Ingin saya – inilah berkongsi sedikit berkenaan keupayaan radar yang ada sekarang, yang dimiliki oleh APMM. Kalau kita lihat di bahagian Pantai Barat Semenanjung, kita ada 11 *radar sensor sites*. Ada yang diletakkan di darat dan ada yang diletakkan di pulau-pulau. Kalau yang diletakkan di pulau-pulau itu, kita ada *extra mileage* untuk *cover* ruang yang lebih luas.

Dari segi keberkesanan, kalau kita lihat sekarang kita sedang melaksanakan Ops Benteng Laut di bawah *National Task Force* dan hampir setiap hari aset-aset di bawah *National Task Force* iaitu aset TLDM, aset APMM dan aset Pasukan Polis Marin (PPM) membuat pintasan terhadap bot-bot yang mencero boh dengan menggunakan radar ini. Semalam pun saya dilaporkan di bahagian Johor kita pintas lagi. *Almost every night*. Kadang-kadang apabila kita pintas, *target* ini dia *turn back*, *which is* itu adalah satu *achievement* jugalah sebenarnya.

Kedua, *is* di pantai barat Sabah pula. Di pantai barat Sabah, kita ada tiga *radar sensor sites* iaitu di Pulau Balambangan, Pulau Mantanani dan Pulau Gaya. *Basically*, di pantai barat ada sedikit *loophole* di antara Pulau Gaya dan Labuan. Itu kemungkinan kita akan majukan untuk ditambah RSS. Di sebelah Pantai Timur pula, yang mana ia di bawah ESSZONE dan diletak pengawasan secara bersama dengan unit-unit di bawah ESSCOM.

Meaning that di Pantai Timur Sabah, memang telah ada radar yang dikendalikan oleh Kementerian Pertahanan. *That means* telah dikendalikan oleh ATM. Kita ada radar 1206 apa semua. Saya difahamkan radar-radar itu pun telah lama dan dalam proses untuk dinaiktarafkan juga. Apa yang APMM minta ialah satu *is* RSS di Malawali. Situ masih *loophole*. *That is the one that* permohonan pun telah diluluskan. *Basically*, saya boleh katakan di bahagian Pantai Barat Semenanjung, Pantai Barat Sabah dan Pantai Timur Sabah *very fine, basically*. Cuma, kalau ia lama itulah.

Untuk langkah-langkah sementara sepertimana yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi tadi iaitu *measure* untuk mengatasi *loophole* yang ada di pantai timur. APMM juga ada aset udara seperti helikopter dan kapal terbang. Setiap hari memang APMM tanpa gagal melaksanakan penguatkuasaan melalui udara dengan menerbangkan pesawat-pesawat sehinggalah ke persempadanan di antara Malaysia-Vietnam. Memang kita ada. Dari situlah kita dapat *detect* kemasukan bot nelayan asing khususnya dari Vietnam. Manakala, di pantai barat kita ada helikopter sebanyak enam buah. Setiap hari juga terbang untuk meninjau sehinggalah ke persempadanan di antara Malaysia dengan Thailand.

Jadi, mungkin ada kelonggaran dari segi – ini kita sebut daripada pengawasan dan pengawasan udara. Akan tetapi, kita perlu lihat dari segi aset-aset laut ini, yang kita hendak tugas yang mana saya yakin akan disampaikan dalam strategi APMM yang kedua nanti. Bagaimana kita membuat penugasan aset-aset kapal ini pula. Kalau kita *detect* awal tetapi kapal kita tidak mampu untuk pintas, tidak

mampu untuk tahan, so, itu pun menjadi satu isu juga sebenarnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih, Dato' Zubil. Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, strategi kedua APMM adalah menerusi pemantapan kemampuan kapal APMM. Melalui Pelan Perancangan Strategik Maritim Malaysia 2040, APMM menyasarkan untuk memiliki 116 buah kapal bagi memenuhi keperluan operasinya dalam memastikan perairan negara lebih terkawal dan sejahtera. Memahami keperluan ini, beberapa projek perolehan kapal telah diluluskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri seperti berikut.

Pertama, perolehan enam buah kapal *New Generation Patrol Craft* (NGPC) yang diluluskan di bawah RP4, Rancangan Malaysia Kesepuluh tahun 2015 dengan kos sebanyak RM385 juta. Ini telah selesai, Yang Berhormat.

Kemudian kedua, perolehan tiga buah kapal *Offshore Patrol Vessel* (OPV) yang telah diluluskan di bawah RP2, RMKe-11 pada tahun 2017 dengan kos sebanyak RM740 juta. Ini masih dalam peringkat pembinaan dan perolehan sebuah *Multi-Purpose Mission Ship* (MPMS) yang telah diluluskan di bawah RP1, RMKe-12 tahun 2021 dengan kos sebanyak RM280 juta. Ini di peringkat semakan *spec* dan projek ini dijangka akan diiklankan pada bulan Ogos tahun ini, Yang Berhormat.

Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC juga, pihak APMM telah mengemukakan permohonan tambahan perolehan baharu dua buah kapal MPMS dengan kos sebanyak RM300 juta dan tambahan perolehan baharu enam buah kapal NGPC dengan kos sebanyak RM420 juta di bawah RP3, RMKe-12 pada tahun 2023 bagi tujuan menambah bilangan kekuatan aset untuk memenuhi keperluan operasi.

Seterusnya, bagi memastikan aset sedia ada APMM dapat digerakkan, berfungsi dan sentiasa berada dalam kesiagaan yang tinggi semasa melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang dan carilamat, ia perlu diselenggarakan secara berterusan. Sehubungan itu, APMM telah mengemukakan permohonan peruntukan senggaraan secara berkala sejak tahun 2005 dalam mengekalkan kesiagaan aset pada tahap yang terbaik bagi memastikan aset ini dapat digerakkan mengikut keperluan operasi sebagaimana yang dinyatakan oleh Laksamana Dato' Zubil tadi.

Bagi tahun 2022, peruntukan bagi kerja-kerja baik pulih serta penyelenggaraan kapal dan bot APMM telah diluluskan sebanyak RM195 juta di bawah belanja pembangunan RP2, RMKe-12 melalui notis NOC yang telah dilaksanakan.

Bagi tahun 2023, APMM telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah perbelanjaan pembangunan sebanyak RM796 juta untuk tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2023 hingga 2025 dan belanja mengurus sebanyak RM260 juta untuk tempoh setahun iaitu tahun 2023 bagi kerja-kerja baik pulih serta penyelenggaraan kapal dan bot APMM.

Strategik ketiga APMM adalah untuk meningkatkan keupayaan aset pesawat udara. Untuk makluman...

■1040

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, mohon mencelah sikit ya. Kapal-kapal itu memang ada yang diperoleh sudah ya – yang sudah lengkap. Lain-lain itu dalam pembinaan ini dia buat – kita buat di luar negara kah atau dalam negara ya?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Dalam negara Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya, kita ada sedikit *hypersensitivity issue*.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Tidak apa, saya faham.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Dengar OPVs ini gementarlah sikit rasanya.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Saya faham. Cuma ...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya, ya. OPV yang TLDM pun sudah lepas sudah. Cuma, ini tidaklah – bukan kapal yang besar ya macam OPV ini.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Besar ya?

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: 83 meter.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: OPV ini hampir 100 meter, dalam 83 meter.

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: Hampir 100 meter, 83 meter.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Kita macam ini Yang Berhormat, NGPC kita sudah siap semua, sudah pun diserahkan kepada APMM dan telah ditempatkan di stesen-stesen Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Manakala untuk *Offshore Patrol Vessel* (OPV) ini kita dapat tiga. Satu sudah siap, tinggal lagi hendak turunkan ke laut saja, dua lagi sedang dalam pembinaan.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Boleh tahu di mana dibina ya?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Di Pulau Indah, Klang.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Melaka? Oh, *see, we have other shipmakers around in the country. We are stuck with Boustead ini. Okey.*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ini bukan Boustead Datuk.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Cuma saya agak rasa PPSMM ini macam wawasan dia ya?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya. Pelan Perancangan Strategik.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Untuk tahun 2040?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Kenapa lama sangat dia punya

...

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: Perkara itu Yang Berhormat, kita siapkan sehingga tahun 2040 *because* APMM umurnya 17 tahun. *We started from zero lah basically. But,* kita punya *mission to be one of the best coast guard in the world. That's why* kita unjurkan perolehan kapal *because it takes a long time.* Satu is kapal, dua is orang dia sendiri (HR) dan yang ketiga infrastruktur.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Pembinaan.

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: Kita tidak ada semua itu, kita masih menyewa. *So, we plan* tahun 2040 tetapi disebabkan COVID-19 ini yang *two years* ini dan disebabkan peruntukan yang lulus dan ada yang tidak lulus, kita sudah *lagging behind* sikit. *So, we like to beef up the phase* itu balik, *by* tahun 2040 kita berupaya sepenuhnya untuk melaksanakan tugas pengawasan dan carilamat di dalam Zon Maritim Malaysia.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *This is a new* – baru mula lah ini ertinya?

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: *We do it* semasa Ketua Pengarah yang kedua, *that is* 10 tahun dahulu. *That plan* itu kita buat 10 tahun dulu *but every year* kita *review plan* itu, kita lihat *achievement* itu dapat atau tidak kita *review. But now it is coming the time you got to review again,* mungkin *by* tahun 2040 kalau lihat kita punya pergerakan sekarang ini *we might not achieve that.*

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih. Boleh saya tanya setakat ini kita mempunyai berapa ramai anggota APMM dan apa unjuran ataupun *expectation* kita untuk mencapai sasaran kita pada tahun 2040?

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: Ya. Yang Berhormat, ini *actually* semasa APMM ditubuhkan kita mengambil anggota daripada agensi-agensi lain seperti perikanan, kastam dan polis marin. *It's supposed to be* agensi APMM ditubuhkan adalah untuk menyatukan kesemua agensi lain yang melakukan pengawasan di laut di bawah satu bumbung. *That means from nine agencies become one*, agensi tunggal untuk melaksanakan *because we take the concept of US Coast Guard, India Coast Guard, any Coast Guard. At that time*, kita diluluskan 4,800 *roughly* ya, 4,800 kita panggil Skim T. Skim T ini *is* skim yang *mengoperasikan* kapal, *enforcement* dan kita ada skim lain. Dari aspek pengurusan mungkin dia punya *strength* lebih kurang dalam 400 lebihlah.

Jadi, *by the year 2040* dengan penambahan pesawat udara, kapal, infrastruktur, kita *expect by* tahun 2040 kita punya *strength* menjangkau sehingga ke 12,000 orang. Akan tetapi sekarang ini kita tidak dibenarkan untuk penambahan perjawatan. *The reason is because* bajetlah *basically*. *Then we have to trade-off which we are doing now*, kita *trade-off* perjawatan-perjawatan. *In fact*, 4,800 itu pun belum diisi sepenuhnya, sebab kita setiap tahun kita dapat isi perjawatan lebih kurang dalam 700 orang sahaja. *The rate of people* pencen *because* sebahagian besar daripada APMM ini datangnya daripada TLDM seperti saya juga, majoritinya. So, mereka sudah hampir kepada umur persaraanlah *basically*. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: *Chairman*.

Tuan Pengerusi: Ya sila.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: JPA ada sini kah? Mereka inilah yang selalu menghalang.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ada JPA? Oh, ada, ada. Fikri. Jawab lagi.

Tuan Pengerusi: Ya sila.

Encik Fikri bin Kamarjaman [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan ULKAN dan OK, Jabatan Perkhidmatan Awam]: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perjawatan APMM ini saya tidak ada jawapan secara konkrit yang boleh dimaklumkan di dalam PAC hari ini. Cuma secara umumnya *procedure is already there* lah, *okay*. Permohonan semuanya dimohon melalui prosedur sedia ada dan kekangan-kekangan perjawatan termasuklah juga kelulusan juga. Akhirnya orang perjawatan akan datang daripada Kementerian Kewangan juga. So, *end*

result-nya adalah di MOF jugalah daripada segi peruntukan kewangan dan implikasi kewangan sedia ada kerajaan dan negara. Okey, terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa elok juga JPA mengambil kira maklum balas yang telah dibangkitkan iaitu tidak boleh sahaja bergantung kepada *pathway* atau laluan mantan pegawai TLDM dan mungkin ada keperluan diwujudkan sama ada mengambil graduan baharu, saya pun tidak pasti. Akan tetapi alternatif-alternatif ini tidak semestinya akan membabitkan jumlah kewangan yang sama ataupun lebih besar.

Jadi, ini mungkin dapat membantu kerana saya nampak integrasi antara semua agensi dan jabatan sangat penting bagi memaksimumkan dana terhad yang kita perlu guna pakai bagi maksud memperkasakan pertahanan negara. So, kalau boleh JPA *take this opportunity* – saya tahu kena tanya bos, saya faham. Hanya saya fikir ruang dalam PAC ini penting untuk kita get *some feedback especially* daripada pihak yang berwajib.

Encik Fikri bin Kamarjaman: Okey, kita *take note* Yang Berhormat.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya dalam perkhidmatan APMM ini pun kita sudah ada pengambilan baharu untuk skim perkhidmatan di APMM. Cuma, daripada segi keperluanlah yang dinyatakan oleh Datuk Zubil tadi, yang mana perlu mendapat perhatian yang lebih daripada pihak JPA lah. Terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Puan Wong Shu Qi: Maaf, Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, silakan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Sila.

Puan Wong Shu Qi: Ya, maaf Datuk Seri. Hanya hendak tanya kerana tadi Datuk Zubil bangkitkan isu bahawa idea kita menubuhkan APMM ini sebenarnya hendak gabungkan sembilan agensi semua disatukan ke bawah APMM. Jadi, dalam prosiding yang kita adakan, kita pun dimaklumkan oleh kementerian lain seperti kementerian Datuk Ronald Kiandee, ya MAFI pun ada agensi mereka sendiri iaitu untuk *enforcement* dan sebagainya. Jadi, setakat ini, apa proses untuk gabungkan semua ini supaya bukan sahaja anggota tetapi juga kapal dan aset-aset semua itu di bawah *coast guard* kita? Terima kasih.

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: Yang Berhormat, saya tambah sikit ya. Hasrat penubuhan APMM semasa mula-mula dulu tahun 2005, sebelumnya kajian telah dibuat sebelum itu lagi. Tahun 1998 kajian dibuat dan kita

melihat kepada agensi-agensi penguatkuasaan maritim yang lain seperti India dan *Nucleus Team* pun ditubuhkan. Semasa penubuhan APMM, semua agensi telah diarahkan untuk menyerahkan keanggotaan serta perjawatan dan aset kepada APMM, sepatutnya.

■1050

That is the hasrat pada masa itu. Akan tetapi, tidak berlaku. *So, you see, that is what* APMM dari segi infrastrukturnya, kita hendak buat jeti, kita hendak buat apa ini, kita tidak ada tempat. Kalau di Klang ini, kita hendak cari tanah pun yang sesuai untuk buat jeti, *sheltered*, susah *because* kita *got to find a new* tanah. *So*, itulah yang saya boleh *share*-lah.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Dahulu kita dimaklumkan dalam prosiding yang lalu, *certain nautical miles* di bawah agensi yang lain-lain ya? Paling jauh sekali sehingga sempadan antarabangsa, TLDMlah, *kan?*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: TLDM, ya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Saya ingin tanya *probing question*, sama ada kerjasama antara agensi yang besar macam TLDM itu diperolehi dan boleh, maksudnya, dikawal daripada kuasa APMM?

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: Terima kasih, Yang Berhormat. Ia ada dua *roles*, Yang Berhormat. *Role* yang dimainkan oleh APMM lain seperti mana *role* yang dimainkan oleh TLDM. *TLDM more on their training and ready for war, sovereignty role*. APMM melaksanakan *function* penguatkuasaan. Jadi, akan bercanggah kalau – *because* TLDM tidak boleh mempunyai kuasa di bawah akta untuk menahan dan memeriksa. Tidak ada kuasa. Ia boleh tahan dan serahkan kepada APMM. *Under certain* akta sahaja, *not all*. Perikanan boleh ia tahan dan serah kepada APMM atau Jabatan Perikanan.

APMM ini digabungkan dengan memiliki semua kuasa, semua akta di bawah undang-undang Persekutuan. APMM boleh *enforce* Akta Kastam, Akta Perikanan – *you name it*. *As long as* undang-undang Persekutuan, APMM boleh menguatkuasakannya.

Tambahan pula, apabila melibatkan di luar dari *territorial waters* – akta-akta kita ini ia terpakai di bawah *territorial waters* sahaja iaitu 12 batu. *Sovereign rights* untuk kita buat akta. *We have the right*, apa-apa kita hendak buat akta. Hendak berhentikan kapal, hendak *check* kapal, hendak buat apa, di bawah 12 batu.

Di luar 12 batu, kita panggil ia ZEE pula. Itu ada *certain law – international law*, seperti mana akta ZEE, perikanan untuk kita menangani sumber-sumber laut. Petroleum, ikan dan lain-lainlah. Itu kita tidak ada *sovereign rights*. Kita tidak boleh.

Itulah yang kita buat, yang kita buat sekarang ini. APMM adalah berkuat kuasa dari takat air surut sehingga Zon Maritim Malaysia (ZMM) yang mana ZMM ini melibatkan *territorial waters* dan ZEE. *Special clause* diletakkan di bawah Akta APMM melewati hingga laut lepas bagi kes-kes yang melibatkan *trafficking in persons*, *terrorism* dan dadah. APMM boleh *pursue* melebihi Zon Maritim Malaysia. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kluang, sila.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Jadi saya ingin tahu, sama ada APMM ataupun KDN berhasrat untuk mencapai sasaran untuk gabungkan semua agensi di bawah APMM lagi atau tidak?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Mungkin dari segi macam dinyatakan oleh Dato' Zubil tadilah, Yang Berhormat ya, hasrat penubuhan adalah untuk menggabungkan. Akan tetapi, dari segi pelaksanaan mungkin ada sedikit kekangan kerana masing-masing jabatan ada radius-radius tertentu yang diberikan kuasa untuk mereka melaksanakan penguatkuasaan.

Akan tetapi, *so far*, walaupun kita tidak berada di bawah satu bumbung, dari segi kerjasama untuk kita mengadakan *joint ops* itu tidak menimbulkan apa-apa masalah. *In fact*, sekarang ini kita ada *National Task Force* menggabungkan kesemua agensi yang berkaitan dengan maritim dalam kita melaksanakan penguatkuasaan.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Boleh saya...

Tuan Pengerusi: Okey, sila. Sila sambung, Dato' Sri.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Strategi ketiga APMM adalah untuk meningkatkan keupayaan aset pesawat udara. Jadi, untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, APMM merancang untuk melaksanakan perolehan aset udara sebanyak 27 buah iaitu 15 buah helikopter dan 12 buah kapal terbang selaras dengan bilangan yang disasarkan dalam PPSMM 2040 bagi meningkatkan keupayaan aset pesawat udara yang diperlukan untuk menampung operasi di Sabah dan juga di Sarawak. Di bawah RP3 RMKe-12 tahun 2023, APMM telah mengemukakan permohonan bagi memperoleh dua buah pesawat udara jenis *maritime surveillance aircraft* (MSA) dengan kos sebanyak RM700 juta bagi menambah bilangan aset udara milik APMM.

Menyedari akan keperluan untuk meningkatkan dan kesiapsiagaan aset udara, APMM telah juga mengemukakan permohonan perolehan empat buah pesawat jenis udara helikopter *medium lift* dan diluluskan di bawah RP4 RMKe-11 tahun 2020 dengan kos sebanyak RM600 juta. Pada ketika ini, perolehan pesawat udara ini berada di peringkat perolehan tender.

Strategi keempat adalah untuk memantapkan keupayaan carilamat dan bantuan bencana maritim. Seperti Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC sedia maklum, Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 [Akta 633] yang telah diwartakan pada tahun 2004 mentakrifkan bahawa fungsi APMM adalah melaksanakan tugas-tugas mencari dan menyelamatkan di laut. Jadi, APMM juga telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi peneraju bagi operasi carilamat di laut melalui Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 dan Arahan Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 25 Ogos 2008.

Untuk makluman, pada ketika ini, kenderaan milik APMM sedia ada di maritim negeri dan zon maritim yang digunakan sekarang tidak lengkap dengan sistem radio komunikasi – dalam keadaan tersebut. Oleh sebab itu, tim Pangkalan Hadapan Carilamat (PHC) akan menggunakan *Government Integrated Radio Network* (GIRN) dan telefon bimbit untuk berkomunikasi dengan *Maritime Rescue Sub Centre* (MRSC) dan bilik operasi. Namun begitu, keadaan ini menyukarkan *team* PHC untuk berkomunikasi dengan efektif terutamanya apabila berada di kawasan yang tiada jaringan komunikasi yang baik.

Jadi, sehubungan dengan itu, APMM telah mengemukakan permohonan perolehan untuk mendapatkan tujuh buah kenderaan PHC di bawah RP3 RMKe-12 pada tahun 2023 dengan kos sebanyak RM5.25 juta bagi memantapkan peranan APMM sebagai peneraju bagi bencana maritim negara.

Strategi kelima adalah...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Dato', yang apa nama – minta maaf, Tuan Pengerusi ya. Kenderaan Pangkalan Hadapan Carilamat ini – ini *land vehicle* lah ya?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, ya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Baru hendak peroleh?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Seterusnya, strategi kelima adalah untuk memantapkan sistem telekomunikasi *Malaysia Coast Guard Net* (MCGNET). Sistem komunikasi merupakan aset sokongan utama yang penting semasa berada di laut yang berfungsi dalam menerima dan menyalurkan maklumat antara aset di laut dan juga pusat operasi maritim di negeri dan juga zon maritim.

Tanpa sistem komunikasi yang baik, penerimaan dan penyaluran maklumat menjadi tidak efektif dan seterusnya akan menjejaskan operasi dan tugas di laut.

Antara isu-isu yang dihadapi berkaitan dengan sistem komunikasi adalah pertama, peralatan komunikasi sedia ada di APMM adalah jenis analog yang bergantung pada antena di lokasi tertentu dan capaian litupan adalah terbatas. Peralatan jenis ini adalah terhad; komunikasi dua hala secara suara sahaja dan tidak boleh menghantar data seperti gambar, video, dokumen dan juga sensor ataupun e-mel.

■1100

Pencerobohan kapal penguat kuasa dan bot nelayan negara asing di dalam Zon Ekonomi Eksklusif berlaku jauh dari pesisir pantai iaitu sehingga 200 batu nautika. Dengan kekangan sistem komunikasi APMM sedia ada agak sukar bagi aset yang beroperasi di laut untuk memaklumkan sebarang kejadian tidak diingini yang memerlukan keputusan dan arahan lanjut dalam masa yang singkat daripada pihak pengurusan tertinggi APMM. Inilah apa yang dikatakan oleh Yang Berbahagia Datuk Laksamana Zubil tadi, Yang Berhormat.

Seterusnya peralatan komunikasi jarak jauh sedia ada APMM tidak lagi boleh dibaiki dan tidak disokong oleh pembekal ataupun OEM kerana telah *obsolete* dan tidak *economical* untuk dibaiki. Oleh yang demikian, APMM telah mengemukakan permohonan bagi penggantian Radio HF Digital APMM seluruh Malaysia di bawah RP2, RMKe-12 tahun 2022. Namun, permohonan tersebut juga tidak diluluskan.

Memandangkan sistem komunikasi merupakan keperluan mendesak bagi pengoperasian, APMM telah mengemukakan permohonan sekali untuk perolehan sistem komunikasi MCGNET di bawah RP3, RMKe-12 tahun 2023 dengan kos sebanyak RM70 juta.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Saya rasa kekuatan APMM ini sangat-sangat bergantung kepada poin nombor lima ini.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Betul

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Yang dibentangkan yang terakhir. *[Ketawa]. Last point but I think it is the most important* kerana disebut analog. *I think we are far behind time.*

Kemudian *only voice communication, no data.* Apa yang kita boleh *come out with anything* kalau tidak ada datanya, kan? *Voice* pula terputus-putus, ya. Pakai *handphone* pun ada lagi. Itu yang dikatakan telefon bimbit itu *handphone*, ya. Akan tetapi, kita ada *satellite phone*.

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: Tuan Pengerusi. Saya *share* sedikit Yang Berhormat. *Now*, sudahlah kapal kita ini usang. Bila kita hantar *200 miles, the method how that we know that our ship is safe every day* adalah dengan kena keluarkan *position, course and speed* setiap pukul 8.00 pagi dan pukul

8.00 malam *without fail. The moment* ia *lapsed* satu jam sahaja kita sudah *alert*. Kita *alert meaning that standby. The moment* kita *communicate but we cannot get that* dua jam ia tidak naik, tidak hantar punya *position, course and speed* kita akan buat SAR-lah *basically. We had to do SAR on our own asset.*

Sekarang ini kemudahan *satellite phone* ada tetapi *satellite phone* ini bil ia terlampau mahal. Kita bayar kadang-kadang RM200 ribu sebulan. Mahal. *This is because the charge is very expensive.*

Seorang Ahli: *Satellite phone.*

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: Ya, *satellite phone* mahal. So, kita harap mungkin dengan adanya kelulusan yang ini *because TLDM* sudah *advance, 200 miles they can have Wi-Fi, they can send pictures, they can send photos, they can send everything. Videos also they can send from ship to shore.* Terima kasih.

Seorang Ahli: Jauh ketinggalan.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Betul. Itulah saya sangat berharaplah nanti mungkin dengan adanya perbincangan seperti ini akan mendapat perhatian daripada *central agency* kerana ini satu keperluan yang sangat mendesak, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh: Saya hendak bertanya sedikitlah. Pengalaman saya tentang APMM dan juga alat komunikasi dan penyelamat.

Setahun lepas saya ada masalah di tengah laut di Selat Melaka yang bermakna ada satu buah *resort* tempat penginapan dan saya dapat *call* daripada waris yang sedang nazak. Ada satu buah *resort* tempat memancing di Sabak Bernam itu. Kemudian, saya hubungi 999 dan apabila saya hubungi ia terus ke Johor Bahru sana. Sabak Bernam ke Johor Bahru sangat jauh kapal ia hendak bergerak dan pada ketika itu saya hubungi pos bomba. Bomba pun tidak boleh masuk ke kawasan tengah laut kerana kawasan surut. Kapal bomba itu susah hendak masuk.

Apabila perkara itu berlaku, orang yang di tengah laut yang nazak tengah memancing dan *resort* di situ telah meninggallah. Hendak bawa ke darat mengambil masa kerana kapal daripada bomba ini tidak boleh masuk – tunggu air pasang. Jadi, sudah meninggallah. Sudah habis selesai. Jadi, masalahnya apabila perhubungan tadi, alat komunikasi dan penyelamat itu bermakna sangat lambat.

Bermakna komunikasi perhubungan di Selat Melaka dari Johor Bahru ke kawasan Sabak Bernam itu sangat lambat dan tidak ada kapal. Itu menimbulkan masalah kerana APMM dan juga mungkin tentera yang lain-lain tidak dapat bergeraklah. Inilah masalah yang mungkin akan dihadapi penyelamat yang berada di tengah laut kerana alat komunikasinya sangat lemah. Perhubungan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Boleh saya teruskan, Yang Berhormat?

Sebagai rumusan, Tuan Pengerusi dan Ahli PAC, saya ingin menyatakan bahawa KDN melalui APMM sentiasa komited untuk memastikan keselamatan ZMM dikawal dengan berkesan. Ini dapat dilihat melalui usaha berterusan kementerian dan juga APMM untuk mendapatkan peruntukan kewangan bagi tujuan penaiktarafan aset-aset keselamatan dan juga penguatkuasaan di ZMM termasuk pembangunan SWASLA.

Saya menyedari dan mengakui kerajaan menerusi agensi pusat terutamanya MOF dan Unit Perancang Ekonomi, JPM juga sentiasa menyokong komitmen KDN dan APMM dalam menyediakan peruntukan kewangan yang sewajarnya. Namun begitu, peruntukan tersebut masih kurang mencukupi bagi tujuan perolehan baharu dan menaiktarafkan aset-aset kawalan keselamatan dan penguatkuasaan.

Sehubungan dengan itu, KDN percaya komitmen berterusan agensi pusat dalam menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi adalah imperatif bagi memastikan keperluan menaiktarafkan aset-aset kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di Zon Maritim Malaysia termasuk pembangunan SWASLA sentiasa diberikan perhatian dan keselamatan maritim negara terjaga. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Ada...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Cuma minta penjelasan...

Tuan Pengerusi: Usul pertama. Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Daripada KSU, ya. Dalam urutan *priority* di KDN macam mana APMM ini dibandingkan dengan PDRM, contohnya? *How much more* keutamaan diberikan kepada APMM ataupun sama dengan PDRM ataupun dengan agensi-agensi yang lain? *How – what is the position of APMM?*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ia – terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya daripada segi keutamaan kita tidak ada polis utama ataupun APMM kurang utama dan sebagainya. Kementerian *treat* semua agensi di bawah mengikut keutamaan masing-masing.

Cuma, daripada segi keutamaan perolehan itu adalah kita serahkan kepada agensi untuk menentukan keutamaan-keutamaan apa yang diperlukan mengikut keperluan agensi pada masa tersebut. Saya memberi contoh salah satu keutamaan APMR selain daripada melengkapkan aset-aset berkaitan adalah untuk mewujudkan *headquarters* Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sendiri kerana sekarang pun kita masih menyewa. *Which is* akan menyebabkan banyak peruntukan kewangan yang diperlukan. Itu pun salah satu keutamaan.

Namun, oleh sebab keperluan kepada aset dan juga menaikkan radar SWASLA dan sebagainya kita lihat sebagai satu yang lebih utama daripada *headquarters*. Kita letakkan *headquarters* itu di *priority* ketiga, keempat dan seterusnya. Akan tetapi, yang ini kita letakkan prioriti utama. Itu untuk makluman, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Mungkin saya jemput untuk sambung syor dua. Ya, Datin.

Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) Kementerian Kewangan]: Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail TKSU, JPM untuk meneruskan dengan maklum balas syor kedua. Silakan.

Tuan Pengerusi: Okey, sila.

Datuk Mohammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Tuan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Datuk, Datin, tuan dan puan sekalian.

Terdapat dua syor PAC berkaitan dengan JPM iaitu melalui Majlis Keselamatan Negara. Pertamanya, berkaitan penyediaan Pelan Induk Strategik Keselamatan Maritim Malaysia berdasarkan Dasar Keselamatan Negara, Kertas Putih Pertahanan dan dasar-dasar lain yang berkaitan.

■1110

Seterusnya, syor berikutnya ialah berkaitan dengan merealisasikan *National Maritime Single Points of Contact* supaya maklumat antara kementerian dan agensi dapat diselaraskan agar aktiviti keselamatan serta penguatkuasaan dapat dijalankan dengan koordinasi dan pemantauan yang baik. Syor PAC yang kedua ialah kerajaan hendaklah menyediakan Pelan Induk Strategik Keselamatan Malaysia berdasarkan Dasar Keselamatan Negara, Kertas Putih Pertahanan dan dasar lain yang berkaitan.

Dalam hubungan ini Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri mengambil maklum dan menyokong syor tersebut kerana ianya mendukung Dasar Keselamatan Negara 2021- 2025. Penyudahan pelan ini dilihat selaras dengan nilai teras keselamatan negara yang pertama iaitu kedaulatan dan keutuhan wilayah dan strategi memelihara teras negara yang kedua iaitu memelihara kedaulatan wilayah. MKN-JPM berpandangan bahawa satu pendekatan menyeluruh perlu diadakan untuk membangunkan pelan ini bagi memastikan ia selari dengan dasar-dasar yang lain, merentas kementerian dan agensi seperti berikut:

- (i) Dasar Keselamatan Negara 2021-2025;
- (ii) Kertas Putih Pertahanan 2019;
- (iii) Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam 2019;
- (iv) Kerangka Dasar Luar Negeri yang dilancarkan pada 7 Disember 2021;
- (v) dasar dan strategi lain yang akan digubal; dan
- (vi) dasar perundangan dan perjanjian di peringkat nasional dan antarabangsa.

Inilah bagi memastikan pelan yang dirangka ini adalah sejajar dengan dasar dan perundangan sedia ada di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Seterusnya penyediaan pelan ini juga mengambil kira isu pengurusan maritim negara yang luas serta bersifat *cross-cutting*. Ini merangkumi isu-isu seperti berikut:

- (i) keselamatan;
- (ii) kedaulatan;
- (iii) *land-sea nexus*;
- (iv) alam sekitar marin;
- (v) ekonomi dan keselamatan pelayaran;
- (vi) perubahan teknologi,
- (vii) ketujuh ancaman keselamatan geopolitik; dan
- (viii) perubahan iklim dan lain-lain.

Oleh yang demikian, satu kefahaman yang jelas mengenai keseluruhan ekosistem maritim perlu diperoleh agar bidang keutamaan, hala tuju dan kerangka pelan yang akan dibentuk adalah bersifat komprehensif, berstruktur dan jelas. Kefahaman yang jelas tersebut boleh dicapai melalui pewujudan sinergi antara kesemua pemegang taruh dengan pendekatan yang holistik dan sistematik, *whole-of-government and whole-of-society approach* dengan melibatkan kementerian, agensi termasuk kerajaan negeri dan pemegang taruh yang mempunyai kepakaran

dalam bidang-bidang maritim, sama ada di peringkat nasional ataupun antarabangsa seperti:

- (i) pihak industri iaitu industri perkapalan, perikanan, pelabuhan, hidro karbon, minyak dan gas;
- (ii) ahli akademik dan penyelidik;
- (iii) pakar perundangan; dan
- (iv) pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Justeru, MKN-JPM akan mewujudkan satu jawatankuasa pemandu dan kumpulan kerja bagi tujuan pembangunan pelan termasuk bagi menetapkan perancangan serta hala tuju pelan berkenaan. Jawatankuasa pemandu ini akan terdiri daripada pengurusan tertinggi kementerian dan agensi yang berkaitan dan bertanggungjawab menasihati hal-hal berkaitan dengan dasar dan hala tuju pelan tersebut.

Jawatankuasa Pemandu ini akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Keselamatan Negara dan keahliannya terdiri daripada Peguam Negara, KSU Kementerian Luar Negeri, KSU Kementerian Pertahanan, KSU Kementerian Dalam Negeri, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Komander ESSCOM, Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia dan Ketua Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia.

Jawatankuasa Pemandu ini boleh menjemput mana-mana wakil kementerian dan agensi ataupun pihak swasta yang bersesuaian dari semasa ke semasa. Kumpulan kerja pula akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada kementerian dan agensi berkaitan, pakar akademik, institut berkaitan maritim seperti Institut Maritim Malaysia dan lain-lain pihak yang berkaitan mengikut kesesuaian. Kumpulan kerja ini akan membantu jawatankuasa pemandu menjalankan fungsi dan peranannya.

Bagi maksud menjalankan fungsi jawatankuasa pemandu dan kumpulan kerja tersebut, MKN-JPM telah menyediakan satu terma rujukan bagi memastikan objektif penyediaan pelan ini tercapai. Pembangunan pelan ini dijangka mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun untuk disediakan. Ini berdasarkan pengalaman MKN-JPM dan kementerian serta agensi yang lain dalam membangunkan sesuatu pelan strategik.

Justeru bagi tahun 2022, MKNJPM bercadang untuk mengadakan satu sesi libat urus bersama pelbagai pihak pemegang taruh berkaitan isu maritim untuk mendapatkan pandangan mengenai penyediaan pelan ini. Beberapa siri libat urus

akan diadakan sebelum satu draf atau kerangka awal pelan ini dapat disediakan. MKNJPM juga telah menyediakan *roadmap* pembangunan dan penyediaan dokumen Pelan Strategik Keselamatan Maritim 2024-2028 yang merangkumi empat fasa.

Fasa pertama iaitu mulai Januari sehingga Jun 2022. Fasa pertama ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal, menetapkan hala tuju dan seterusnya membentuk jawatankuasa pemandu dan kumpulan kerja. Fasa kedua ialah mulai Julai sehingga Disember 2022 dengan tujuan untuk mendapatkan pandangan serta idea daripada semua pemegang taruh yang berkaitan. Ini lebih melibatkan satu *engagement* di peringkat fasa kedua. Fasa ketiga mulai Januari sehingga Jun 2023 yang bertujuan untuk membuat semakan dan pemurnian data draf pelan strategik dan fasa keempat mulai Julai sehingga Disember 2023 yang bertujuan untuk mendapatkan punca kuasa yang jelas bagi pelaksanaan pelan serta mendapatkan *political will* daripada kepimpinan tertinggi negara. Pertimbangan juga perlu mendapat persetujuan daripada sidang Majlis Keselamatan Negara dan juga Jemaah Menteri.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, saya ingin tanya sahaja. Sekarang kita seharusnya dalam fasa pertama ya. So, sudah ada apa-apa mesyuarat khasnya mesyuarat antara agensi yang berhubung dengan perkara ini diadakan? Terima kasih.

Encik Zamri bin Misman [Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara (Keselamatan Strategik) Majlis Keselamatan Negara]: Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, saya Zamri daripada Majlis Keselamatan Negara. Susulan kepada pertanyaan berkenaan, beberapa siri mesyuarat telah pun diadakan sepanjang tempoh fasa pertama berkenaan. Ini termasuk kita sedang membuat kajian awal terhadap Pelan Strategik Keselamatan Maritim dari negara-negara lain. Contohnya dari New Zealand, UK, India dan Poland yang telah pun ada pelan sebegini dan kajian ini sedang berjalan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Mohd Ramli [Lumut]: Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan daripada MKN. Dalam *intro* tadi itu tidak dirujuk langsung pelan 2040 yang ada dalam APMM itu ya. Saya rasa kalau ada berkaitan dengan maritim ini dan APMM telah merangka suatu jadual pencapaian *by 2040*, jadi apakah itu tidak diambil kira ataupun dirujuk sebagai panduan merangka satu pelan segera seperti yang dibentangkan tadi itu? Mohon penjelasan. Terima kasih.

Encik Zamri bin Misman: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya banyak dasar yang akan dapat disenaraikan. Ini adalah contoh-contohnya sebab

dalam senarai berkenaan termasuklah dasar dan juga strategi lain. Ini termasuklah Dasar Makanan Negara dan sebagainya akan juga turut dimasukkan dalam pertimbangan pelan ini nanti.

Datuk Mohammad bin Ismail: Saya teruskan ya.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan Datuk.

Datuk Mohammad bin Ismail: Okey, slaid yang keempat berkaitan dengan syor ketiga iaitu *National Maritime Single Points of Contact*. Syor PAC yang ketiga ini ialah supaya *National Maritime Single Points of Contact* direalisasikan dengan segera supaya maklumat antara kementerian dan agensi dapat diselaraskan dan aktiviti keselamatan serta penguatkuasaan dijalankan dengan koordinasi dan pemantauan yang baik.

■1120

Pewujudan *National Maritime Single Points of Contact* telah mula dibincangkan semenjak tahun 2017 lagi iaitu menerusi pelbagai siri perbincangan, bengkel dan mesyuarat inter agensi.

Penglibatan di bengkel peringkat antarabangsa pada tahun 2016 dan 2018 turut diadakan bagi memberi pendedahan awal kepada kementerian dan agensi yang terlibat dalam aspek penguatkuasaan maritim mengenai konsep *National Maritime Single Points of Contact* dan mendapat kefahaman yang jelas dan terselaraskan mengenai kerangka kerjasama terutama daripada segi dasar, teknikal dan pengoperasiannya.

National Maritime Single Points of Contact ini telah mula dibincangkan sejak tahun 2017 menerusi beberapa siri perbincangan inter agensi. Perbincangan mengenai konsep tersebut diteruskan sekali lagi menerusi Mesyuarat *Inter Agency* penganjuran ASEAN Regional Forum (ARF Workshop) pada 4 Jun 2018 di KLN dan diikuti dengan satu bengkel yang diadakan pada 6 Jun 2018, juga di KLN.

Seterusnya, *2nd ARF Workshop* telah dianjurkan oleh Malaysia secara bersama dengan Australia dan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dari 27 sehingga 29 Ogos 2018. Namun, keperluan mendesak dalam mengurus dan menangani pandemik COVID-19 telah menyebabkan penangguhan perbincangan lanjut mengenai hala tuju pewujudan tersebut di Malaysia.

Seterusnya, bagi menyambung semula perbincangan pewujudan *National Maritime Single Points of Contact* ini, MKN telah mengadakan tiga siri mesyuarat khas bagi membincangkan pewujudan di Malaysia pada 12 sehingga 14 Ogos 2020, 17 September dan 19 Oktober 2020.

Bagi tahun 2021, MKNJPM telah mengadakan satu mesyuarat khas bagi membincangkan pewujudan NMSPOC di Malaysia bilangan 1 tahun 2021, pada 20 sehingga 22 Oktober tahun 2021. Mesyuarat Khas ini telah membincangkan dengan lebih lanjut berhubung carta fungsi, struktur organisasi, perjawatan dan implikasi kewangan. Pewujudan sistem yang mengintegrasikan maklumat dan data yang diperlukan dari agensi berkaitan serta penetapan punca kuasa dan akta-akta berkaitan dalam penugasan NMSPOC.

Bagi tahun 2022, MKNJPM bercadang untuk mendapatkan punca kuasa yang jelas mengenai pewujudan NMSPOC melalui sidang MKN dan Jemaah Menteri bagi mendapatkan kelulusan dasar.

Tuan Pengerusi: Dato', cuma saya perhatikan berkenaan dengan tarikh-tarikh mesyuarat khas yang diadakan tahun 2021, nampaknya satu mesyuarat khas sahaja. Boleh sahkan sama ada *there is only one* mesyuarat khas berkenaan dengan implementasi, itu satu.

Kedua, apabila sampai ke tahun 2022 kita kata Memorandum Jemaah Menteri telah pun— sedang dalam proses disediakan, sama ada terdapat apa-apa *timeline* kerana tahun 2022 sudah masuk ke bulan keenam sudah ada, so dua perkara.

Encik Zamri bin Misman: Yang Berhormat Pengerusi, secara umumnya kita *target* pada hujung tahun 2022, MGM akan diangkat pada sebelum itu akan dibawa pada sidang MKN. Namun demikian, pada tahun 2022 ini juga kami sedang *clarify*kan perkara-perkara ini bersama dengan pihak JPA dan agensi-agensi berkaitan sebab untuk memastikan bahawa MGM itu adalah jelas tentang isu perjawatan dan juga implikasi kewangannya.

Tuan Pengerusi: So, *target* akhir tahun ini? Tahun lepas satu mesyuarat sahaja? Kenapa?

Encik Zamri bin Misman: Hal ini sebab pada masa itu MKN masih tertumpu kepada COVID-19.

Tuan Pengerusi: Tahun 2020 COVID-19 lagi serius kan? *[Ketawa]*

Encik Zamri bin Misman: Betul, peringkat awal.

Tuan Pengerusi: *Concern* saya beginilah, syor kami ialah supaya *National Maritime Single Points of Contact* ini direalisasikan dengan segera. Hal ini sebab apabila saya nampak tahun 2021, maaflah nampaknya hanya satu mesyuarat khas, tidak tahu apa yang tersangkut di sana kenapa ada *delay* kah dan sebagainya.

Tahun 2022 kita kena set lah *deadline*, tarikh ia bila Memorandum Jemaah Menteri hendak disediakan dan dibentangkan ke MKN.

Encik Zamri bin Misman: Kami memandang serius tentang perkara ini Yang Berhormat, dan akan memastikan bahawa NMSPOC ini dapat dilaksanakan pada tahun ini.

Tuan Pengerusi: *So target* ia dilaksanakan tahun ini.

Encik Zamri bin Misman: Sebaik sahaja mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Naib Pengerusi.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sebab penyediaan memorandum ini saya hendak tanya. Pertama, sudah dibuat kah?

Kedua, bilakah agaknya akan diangkat kepada masalah Jemaah Menteri? Saya rasa memang tadi disebutkan bahawa akan ada perbincangan dengan pelbagai agensi dan sebagainya itu. Akan tetapi bolehkah macam ini lah mendapat keputusan dasar dahulu supaya Kabinet memutuskan dasar *then after that you can do the rest of the work*.

Encik Zamri bin Misman: Proses ia MKN akan angkat *paper* pertimbangan ini kepada sidang MKN terdahulu sebelum mengangkat kepada *paper* MGM.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Mohd Dun: Bilakah *target* hendak angkat kepada sidang MKN itu?

Encik Zamri bin Misman: Dijangka akan berlaku pada bulan Julai, bulan hadapan dan selepas daripada itu kita akan bawa untuk pertimbangan MGM.

Tuan Pengerusi: Syor ini? Minta sambung Datuk.

Datuk Mohammad bin Ismail: Saya teruskan *slide* keenam. Sebagai rumusan kertas cadangan pewujudan *National Maritime Single Points of Contact* akan mengambil kira input daripada siri, bengkel dan mesyuarat yang diadakan semenjak tahun 2017 sehingga kini dan *National Maritime Single Points of Contact* ini akan diletakkan di bawah MKNJPM bagi menggunakan Akta MKN 2016, sebagai kerangka perundangan.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi lagi termasuklah cadangan memperkasakan Pusat Pengurusan Operasi Negara (PPON MKNJPM) melalui integrasi pelaporan strategi yang terselaraskan dan mantap.

Dalam hubungan ini, libat urus bersama kementerian dan agensi adalah penting sebelum kertas cadangan pewujudan *National Maritime Single Points of Contact* ini dapat diangkat ke Sidang MKN dan seterusnya kepada Jemaah Menteri sebelum akhir tahun 2022.

MKNJPM juga telah menyediakan jadual penyediaan Kertas Cadangan Pewujudan NMSPOC di Malaysia seperti *slide* yang dipaparkan bagi mendapatkan gambaran menyeluruh keseluruhan tugas yang perlu dilaksanakan dan memastikan setiap sasaran ditetapkan dapat dicapai sewajarnya.

Setakat itu maklum balas daripada MKNJPM Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Mohd Dun: Boleh saya minta *confirmation*. Sudah lima tahun kan ini?

Datuk Mohammad bin Ismail: Ya.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Mohd Dun: Kan? Perbincangan diadakan, lima tahun ya?

Datuk Mohammad bin Ismail: Ya, tahun 2017.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Mohd Dun: *Is a long time you know, one Parliament punya period. [Ketawa] It's too long. [Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Tiga Perdana Menteri.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Mohd Dun: Tiga Perdana Menteri. *[Ketawa]* Empat kah? Empat. *Lailahaillallah.*

Datuk Mohammad bin Ismail: Empat Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Dato' Haslina.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid [Ketua Setiausaha MAFI]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajah Azizah, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan, KSU KDN, Yang Berbahagia Datin Rashidah, Yang Berbahagia Dato' Mohd Zubil, Ketua Pengarah APMM. Bersama saya juga ada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Tuan Haji Mohd Sufian bersama kita dan juga semua ahli *ex-officio* sekalian.

Sikit latar belakang berkenaan dengan punca kuasa Jabatan Perikanan Malaysia, Yang Berhormat Pengerusi.

■1130

Punca kuasa Jabatan Perikanan dalam menjalankan penguatkuasaan di Zon Maritim Malaysia adalah di bawah Bahagian X (Penguatkuasaan), Akta Perikanan 1985 [Akta 317]. Jadi, DOF (Jabatan Perikanan Malaysia) bertanggungjawab menguruskan sumber perikanan dan melaksanakan aktiviti *monitoring, control and*

surveillance (MCS) dengan memantau aktiviti perikanan melalui dasar dan syarat dan sebagai pematuhan kepada kawalan.

Jadi, tindakan penguatkuasaan ini diambil kepada aktiviti perikanan yang tidak mematuhi kawalan yang ditetapkan. Jadi, MCS tadi merupakan satu alatlah (*tools*) dalam melaksanakan pengurusan perikanan.

Jadi, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perikanan telah membentangkan peranan Jabatan Perikanan dan aktiviti penguatkuasaan bagi melindungi sumber-sumber perikanan negara dalam Mesyuarat Prosiding PAC pada 22 September yang lalu dan dalam mesyuarat tersebut telah memutuskan dua syor sebagai tindakan yang perlu dilakukan oleh Jabatan Perikanan di bawah MAFI. Jadi, MAFI menghargai keprihatinan ahli PAC menyokong aktiviti penguatkuasaan Jabatan Perikanan bagi memastikan kelestarian sumber maritim dan kelangsungan sekuriti makanan.

Bagi syor yang nombor empat iaitu penyesuaian sasaran aktiviti pemeriksaan oleh DOF boleh dilaksanakan selagi ia tidak mengkompromikan matlamat penguatkuasaan undang-undang, penggunaan teknologi terkini seperti dron untuk mengoptimumkan aktiviti pemeriksaan haruslah dilaksanakan, itu syor yang keempat.

Jadi, bagi tujuan pemerksaan aktiviti penguatkuasaan di Jabatan Perikanan, peruntukan pembangunan RMKe-12 telah kita terima sebanyak RM90 juta bertujuan untuk meningkatkan aktiviti di bawah projek *monitoring, control and surveillance* yang melibatkan komponen-komponen seperti perolehan bot peronda, peningkatan bot dan kapal peronda sedia ada, perolehan peralatan keselamatan dan penguatkuasaan serta lain-lain di bawah aktiviti Jabatan Perikanan. Ini ada yang telah diperolehi dan sedang diperolehi sepanjang Rancangan Malaysia Kedua Belas. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan semua ahli, memang kalau ikut dari segi permohonan itu kita memohon lebih daripada RM90 juta dan ini yang telah diluluskan. *Next slide, please.*

Jabatan Perikanan mengalu-alukan cadangan penggunaan dron oleh PAC yang mana ia memang sesuai dilaksanakan untuk pengawasan di darat dan juga di zon konservasi yang berhampiran dengan pesisiran pantai. Jadi, dron berteknologi tinggi berupaya mengawasi sehingga melebihi 15 batu nautika dari pantai. Kita dapati ia sesuai untuk aktiviti pengawasan *vesse/* penangkapan ikan terutamanya bagi memantau pencerobohan zon penangkapan ikan. Jadi, penggunaan dron *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) ini memerlukan kepakaran diiktiraf dan kumpulan kerja yang dedikasi.

Kalau mengikut sedia ada, Jabatan Perikanan menggunakan teknologi penjejakan *Vessel Monitoring System (VMS)* dan juga *Automatic Identification System (AIS)* yang menggunakan gelombang satelit dan radio bagi memantau pergerakan *vessel*. Jadi, sistem yang ada ini dilengkapi dengan *geofencing* yang mana *vessel* yang mencerooboh zon penangkapan ikan dapat dikesan melalui sistem ini.

Melalui pergerakan *vessel* juga kita dapat menganalisis corak tingkah laku (*behaviour*) *vessel* di laut dan memudahkan aktiviti penguatkuasaan dilakukan secara bersasar sekiranya terdapat pergerakan *vessel* yang mencurigakan. Jadi, pemilik *vessel* juga dapat memantau *vessel* masing-masing dan dapat membantu mencegah daripada melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

Kita memberikan keutamaan untuk naik taraf dan menambah baik penggunaan teknologi sedia ada bagi memastikan penggunaan teknologi penjejakan ini seiring dengan teknologi digital semasa yang sangat cepat dari segi *advance*-nya itu. *Next slide*.

Jadi, kita mengharapkan liputan rangkaian teknologi komunikasi digital yang meluas sehingga menjangkau perairan perikanan negara pada masa akan datang dapat membantu aktiviti penguatkuasaan yang lebih efisien. Liputan telekomunikasi digital yang meluas di perairan negara kelak dapat membantu sistem penjejakan AIS tadi mengesan pergerakan *vessel* yang lebih jauh melebihi 40 batu nautika.

Jabatan Perikanan juga melaksanakan program pemantauan *vessel* melalui udara dengan kerjasama Pasukan Gerakan Udara PDRM dan program ini dilaksanakan secara bersama di mana pesawat udara PDRM digerakkan bagi memantau *vessel* di perairan dan maklumat disalurkan kepada Pusat Tadbir Operasi dan tindakan penguatkuasaan melalui aset Jabatan Perikanan di laut.

Sistem penjejakan *vessel* ini juga dimanfaatkan dalam program yang sedia ada di mana sebarang maklumat pergerakan mencurigakan kita dapat salurkan kepada pesawat udara untuk pengawasan awal sementara ketibaan aset laut Jabatan Perikanan ke lokasi kejadian untuk pemeriksaan dan penguatkuasaan.

Jadi, ini *next* syor – syor yang kelima itu Jabatan Perikanan diarahkan untuk memastikan kelestarian ...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Dato', minta penjelasan.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid: Ya, ya, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Minta penjelasan sedikit. Isu dron ini kita bincang secara *passionate* juga dan saya lihat pembentangan tadi itu

memang ke arah itu. Apakah perkembangan perolehan dron ini? Adakah termasuk dalam RM90 juta yang diluluskan itu atau masih lagi dalam proses permohonan?

Dato' Haslina binti Abdul Hamid: *Details* saya mohon, Tuan Haji Mohd Sufian, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan untuk menjawab.

Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman [Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan]: Terima kasih, Dato' KSU. Tuan Pengerusi dan semua Ahli PAC. So, berhubung dengan peruntukan ini memang pada asalnya kita ada buat permohonan asal tetapi oleh sebab kita memberi tumpuan kepada penggunaan sistem VMS dan juga sistem AIS tadi untuk naik taraf itu, jadi peruntukan tersebut memang tidak diperolehi dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Walau bagaimanapun, oleh sebab saya difahamkan ada beberapa agensi di penguatkuasaan ada mempunyai dron ini, kolaborasi dengan agensi tersebut sedang kita usahakanlah untuk bersama-sama menggunakan apa yang ada. So – sebab dari segi penggunaan dron ini ia memerlukan sedikit kepakaran dan juga satu unit khas untuk menjalankan sebab ia memerlukan sijil dan juga pelesenan untuk menjalankannya.

Jadi, dalam hal ini kita memang alu-alukan penggunaan dron tersebut dan dalam masa yang sama, penggunaan VMS dan AIS itu kita akan naik taraf. *So far*, maknanya peruntukan itu kita tidak mohon lagilah. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya jadi adakah kamu di Jabatan Perikanan itu mengatakan bahawa sistem VMS ini memang cukup efisien untuk melaksanakan kerja-kerja kamu supaya ia – sebelum ini memang ada masalah sebab itulah sampai kita bawa ke mari, PAC *kan*. So, kita pun ada cadangan. Jadi, adakah kamu mengatakan bahawa sistem VMS ini cukup efisien untuk melaksanakan kerja-kerja setakat ini?

Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Memang kita mengharapkan bahawa sistem ini memang efisien, kalau misal kata ia punya *coverage* ini dipertingkatkan. So, ada sistem sekarang ini yang telah pun di-*upgrade*, sebab itulah kita mencadangkan dalam peruntukan MCS ini untuk digunakan untuk naik taraf sistem tersebut.

So far, memang semua bot yang telah pun kita pasang dengan sistem ini dapat kita kesan melalui sistem yang sedia ada. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Pencerobohan kita punya kawasan laut perikanan kita ini dan ikan-ikan kita

dicuri oleh *vesse/* dari luar negara itu macam mana. Kamu tengok ini masih besar ataupun sudah berkurangkah? Dapat kamu kawalkah – macam mana?

Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman: Dari segi data Yang Berhormat, memang didapati sehingga tahun 2021 dari segi data yang kita kongsi bersama dengan APMM, nampak penurunan dari segi kes tangkapan yang telah kita buatlah.

■1140

Jadi, daripada segi pengawasan, seperti mana yang telah dibincangkan tadi, maknanya pihak APMM dan juga agensi-agensi yang berkaitan dengan penguatkuasaan ini kita buat bersama-samalah. Dalam hal ini, semua pemantauan dan juga pengesanan vesel-vesel asing ini memang kita buat melalui sistem, dan seperti mana awal yang saya beritahu tadi, pengawasan bagi *especialy* bagi bot-bot nelayan asing ini akan kita pantau melalui *system upgrade*, sistem AIS tersebut bersama dengan Jabatan Laut. Ini disebabkan semua vesel menangkap ikan di seluruh negara ini dipasang dengan sistem tersebut dan kita boleh kesan melalui sistem naik taraf AIS tersebut.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Adakah sistem itu dipasang juga kepada bot-bot dari luar negara yang bukan berlesen dengan kitalah?

Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman: Ya. Apa ini, untuk sistem...

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Itu satu. Nanti dulu ya. Keduanya, tadi penurunan daripada penangkapan oleh pihak penguat kuasa kita ini, adakah ini disebabkan *efficiency* kita ataupun oleh sebab kita tidak boleh dapat nampak mereka ini maka mereka terbiarlah yang lain itu?

Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman: Okey. So, daripada segi sistem, semua bot yang dilesenkan di bawah Akta Perikanan ini memang akan dipasang dengan sistem VMS dan sistem AIS lah kecuali bot-bot tradisional. Ia akan dapat dikesan melalui sistem.

Cuma, bagi bot-bot nelayan asing ataupun bot luar ini, memang kalau daripada segi peraturannya, peraturan antarabangsa, mereka ada pasang tersebut. Mengikut daripada data yang kita ada, memang kita dapat kesan sekiranya sistem itu pun kita *upgrade*-lah sebab dia memerlukan satu *coverage* yang lebih besar. Contohnya bot-bot Vietnam ini, kita memang tahu dia ada pasang sistem tersebut dan kalau boleh kita *detect* sistem tersebut melalui *upgrade system* yang kita ada, saya ingat, *insya-Allah*, kita boleh kesan merekalah.

Kedua tadi berkaitan dengan penurunan daripada segi pencerobohan ini. Kita nampak kesannya kerana bot-bot nelayan tempatan kita telah pun berada di kawasan-kawasan tersebut dan membawa balik ikan yang lebih baik. Mengikut data yang kita ada bahawa kes-kes pemantauan, *sighting* kita buat memang agak berkuranganlah walaupun saya difahamkan bahawa bot-bot ini memang *standby* di luar kawasan perairan kitalah untuk bersedia untuk masuk. So, mungkin *effective* keberadaan agensi-agensi aset kita di laut itu memberi kesan kepada penurunan daripada segi pencerobohan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Ada lagi?

Dato' Haslina binti Abdul Hamid: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid: Apa yang saya dimaklumkan, memang kalau bot luar ini, dia canggih daripada kita lagi dan *very advance* dan juga besar.

Boleh saya teruskan ke syor yang kelima?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Sekejap, Tuan Pengerusi. Jadi ertinya walaupun mereka ada memakai sistem di kapal, di bot-bot mereka, sistem kita tidak boleh baca, bukan, dia punya sistem itu? Jadi, apa alternatifnya kalau kita *upgrade* kita punya pun, kalau dia memakai sistem— dan *not to their interest to put their system on*-lah, bukan? Mesti dia *off*-kan kalau hendak masuk dalam kawasan kita. *What is the alternative way?* Kalau pakai dron tadi, *limited coverage* ya. Jadi, saya tidak tahulah macam mana dia mengawal.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid: Yang Berhormat Lumut, itulah. Kita kalau mengikut itu, kita memang sentiasa mendapat kerjasama daripada agensi-agensi lain. Kita memang, kalau mengikut kepakaran, kita tidak sampai ke tahap itu. Akan tetapi dengan bantuan APMM dan juga KDN semua itu, *we are trying our level best* lah.

Akan tetapi, yang hendak *upgrade* itu memang antara program yang kita sedang *negotiate* dengan EPU tetapi... *[Ketawa]* Sekarang ini memang dia suruh guna apa yang telah diluluskan dalam itulah, *RM90 million* itu. *[Ketawa]* *[Disampuk]* *[Ketawa]* Itu biasa.

Boleh saya teruskan ke syor yang kelima, Tuan Pengerusi?

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh: Ya, satu lagi, satu lagi.

Tuan Pengerusi: Oh, ada lagi. Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh: Ini menyambung daripada Yang Berhormat Lumut tadi. Cuma, saya hendak mendapat maklumat data-data penangkapan yang telah dibuat menggunakan alat-alat yang canggih ini. Apakah

tindakan kementerian ke atas bot-bot dan tindakan kepada nelayan kita yang kerugian? Saya pernah berlaku masalah ini di kawasan perairan Sabak Bernam yang mana telah membuat aduan dan kemudian tidak dapat ditangkap orang itu kerana dia bergerak ke tempat yang lebih dalam. Jadi, apakah tindakan data-data yang telah dilakukan oleh kementerian? Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman: Bagi menjawab pertanyaan itu, Yang Berhormat, daripada segi pemantauan bagi kes-kes begitu, memang kalau kita boleh dapatkan maklumat terperinci di mana kawasan dan juga identiti bot tersebut, memang kita boleh membuat pemantauan dan juga pemeriksaan melalui sistem yang kita adalah.

Cuma, kalau kes yang mana dia lari dan sebagainya, yang dapat maklumat tersebut, pertama sekali, memanglah laporan polis kena buat dan apabila kita dapat maklumat tersebut, bot penguatkuasaan kita akan buat pemantauan di laut untuk buat siasatan lanjutlah. Jadi, mengikut Akta Perikanan 1985 ini, apa-apa kes tangkapan ialah memerlukan kes yang— maknanya kesahan itu berlaku pada ketika itulah. Maknanya kita tidak boleh buat macam kes kompaun. Itu memang tidak bolehlah. Maknanya kalau kita hendak buat tangkapan, maknanya ia berlaku kesalahan tersebut dan pada ketika itulah kita boleh membuat dakwaan berkaitan dengan mana-mana seksyen kesalahan itu.

Jadi dalam hal ini, saya mencadangkan semua maklumat berkaitan dengan bot-bot yang berkaitan itu boleh disalurkan kepada Jabatan Perikanan untuk siasatan lanjut dan tindakan-tindakan *query* dan sebagainya, kita akan lakukanlah. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih. Jadi saya hendak tahu di sini, ini adalah tindakan yang boleh diambil oleh Jabatan Perikanan. Akan tetapi, kalau betul-betul ada bot Vietnam ini atau luar negeri lain yang masuk mencerooboh zon kita, biasanya apa respons daripada APMM kalau dapat maklumat?

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: Yang Berhormat, memang kita buat operasi di laut menggunakan— satu *is* kita punya *aircraft* dulu akan *fly*. *The moment* kita dapat sahaja *sighting*, kita akan plot. Kapal kita akan keluar tangkap. *That is*— memanglah saya akui Jabatan Perikanan ini dia tidak ada kapallah. Dia bot-bot sahaja. *I think the most they can go is about 15 miles* macam itulah. *So, APMM is the one who is going forward.*

Akan tetapi, semenjak kita melakukan ops pencerobohan ini terhadap bot nelayan asing, mereka pun sudah pandai. *Meaning that*, pada awal-awal memang dia *on* dia punya AIS. Sekarang ini dia sudah *off* dah AIS dia. So, kita kena pergi keluar ke sana sendiri. *But, the initiative* yang dibuat oleh APMM sendiri, kita ada anggota-anggota kita berada di dalam grup *WhatsApp* persatuan-persatuan nelayan, pemancing-pemancing. *They are the one* yang akan *share*. Dia akan cerita dalam itu, dia akan *complain* nampak *sighting* bot nelayan, *sighting* ini. *But, the only failure is*, dia akan *report* apabila dia balik jeti *because* dia tidak ada *line*. [Disampuk] *Yes. By that time* dia dua hari dia rehat, selepas itu dia kongsi video dengan kawan-kawan dia, *by* dua hari kita pergi, sudah tidak adalah.

Inilah yang biasa apabila dia kata, “APMM tidak buat kerja, APMM tidak buat kerja” *because we cannot be there at the same time they are there*. Akan tetapi, dengan bantuan kapal yang saya katakan tadi, kapal MPMS ini kalau kita ada tiga biji— kita minta satu, lulus, *insya-Allah*— kapal ini dilengkapi dengan UAV juga. Dia akan *fly* 70 kilometer radius. Kapal ini juga— *because it is big*, kita panggil juga *mothership*. Dia akan sekurang-kurangnya dilengkapi oleh empat buah bot di atas kapal itu.

■1150

Sighting sahaja, kita turunkan bot dan tangkap. Apa yang kita buat sekarang, kita punya kapal-kapal *45 meters, 48 meters*. Kita keluar, kita tangkap. Apabila kita tangkap, 120 batu di *border* itu, kita hendak kena bawa balik. Apabila kita bawa balik, kita akan tinggalkan tempat itu, kosong. *It takes 24 hours for us to come back and it takes 24 hours also for us to go back*. So, apabila tempat itu kosong, dia masuk balik.

So, with the bigger ship, kita akan tangkap banyak-banyak, kita akan panggil kapal pergi ambil dia. Kita *longside* dekat *mothership* ini. *That is why the purpose of mothership* ini *very important*. Pertama, ia boleh mengoperasikan dron, ia boleh turunkan ia punya bot, tahanan-tahanan dan kru-kru asing ini kita boleh bawa naik di atas *mothership and mothership* ini *can sustain more than 21 days*. Kena lamalah. Kalau tiga atau empat hari balik, dia masuk balik.

It is never-ending; kisah pencerobohan bot nelayan asing ini kalau kita tidak ada, *he will be there*. Dia akan masuk sebab dia pun tahu, dia pun ada AIS. Dia boleh baca kita punya AIS juga. Kita boleh baca dia punya AIS, dia pun *can read our AIS*. Akan tetapi, apabila dia hendak berkumpul, hendak masuk dia *off* dia punya AIS. So, dia boleh masuklah tanpa kita kesan kecuali kita berada dekat-dekat dengan dia. Nampak *sighting* atau visual. So, itulah apa ini – Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ada Yang Berhormat Kluang?

Puan Wong Shu Qi: Saya hanya hendak minta pandangan pihak MAFI, Jabatan Perikanan. Nampaknya, perlu kita bekerjasama lebih rapat lagi iaitu kalau boleh hala tuju itu adalah kita semua *beef up* APMM supaya penguatkuasaan kita di *ocean*, dekat zon laut kita lebih ketat, lebih baik. Saya hendak minta pandangan wakil daripada MAFI. Sama ada ini dalam perbincangan dalam kementerian supaya kita bersetuju untuk serahkan semua aset untuk *beef up* APMM? Terima kasih.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk *beef up* itu, kita memang sentiasa bekerjasama dengan APMM tetapi untuk penyerahan aset itu kita – yang itu belum sampai ke tahap itu. Macam tadi *since 2005* dan perbincangan selepas itu kita berhenti dan kita – *because* berdasarkan fungsi masing-masing, kita menjalankan penguatkuasaan kita tetapi kita mendapat kerjasama yang baiklah daripada semua jabatan dan agensi penguatkuasaan. *Thank you.*

Tuan Pengerusi: Okey Dato'. Ya, sila.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid: Saya teruskan kepada syor...

Tuan Pengerusi: Sebelum itu, Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid: Ya, ya.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Terima kasih. Ya, kalau berterusanlah caranya begitu, maka keperluan kewangan masing-masing mahu mengemukakan, menyebabkan – kalau dikatakan tadi bahawa Kementerian Kewangan mengatakan, semua mengatakan bahawa disebabkan kewangan negara kita memang tidak mencukupi dan sebagainya, maka kita akan dapat sedikit, sedikit, sana sedikit. Jadi, akhirnya kita tidak boleh berfungsi dengan efisien untuk mengatasi masalah ini.

Tidak bolehkah – *I mean*, tibanya masa kita berfikir untuk kebaikan bersama terutama sekali untuk negara kita, maka kita adakan koordinasi yang lebih baik ini. Tidak perlulah kita masing-masing hendak jadi hero. Saya faham sangatlah masing-masing hendak jalankan tugasnya, tetapi kalau benda itu maritim *means* kita ada satu agensi, yang lain itu bekerjasama terus. Jadi, tidak perlu kita masing-masing hendak mohon peruntukan. EPU pun tidak bagi lulus, Kementerian Kewangan lagilah tidak bagi lulus, bukannya? *So, another* berapa tahun lagi akan datang sama juga ceritanya kita hadapi. Bolehkah itu? KSU-KSU bincanglah semua, dalam mesyuarat KSU itu *kan* lagi baik.

Laksamana (M) Dato' Mohd Zubil bin Mat Som: Yang Berhormat, boleh saya *share* sedikit Yang Berhormat? Pada tahun 2020, saya difahamkan pelaporan

oleh Jabatan Perikanan kita *lost RM6 billion a year*, disebabkan kecurian kita punya hasil laut. *The latest one I was told that it has been reduced to RM4.5 billion. So, nampaklah improvement-nya from RM6 billion to RM4.5 billion. That's the latest I got from Jabatan Perikanan, which saya nampak it can show that effective enforcement.* Saya punya sendiri cakaplah *because why?* APMM sudah tangkap hampir 1,000 buah kapal ini. Kapal nelayan asing kita tangkap beribu dan kita tenggelamkan sudah beratus. Kita lupuskan. *Since we are talking about RM6 billion a year we are losing, why not allocate kepada APMM RM1 billion a year. Five years you can save.*

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid: Okey...

Tuan Pengerusi: Okey. So, saya minta Dato' Haslina, sila.

Dato' Haslina binti Abdul Hamid: Ya, saya teruskan kepada syor yang kelima ini Tuan Pengerusi. Berdasarkan kepada perangkaan perikanan pada tahun 2021 seperti pada layar ini, aktiviti perikanan tangkapan (*captured fisheries*) telah menyumbang sebanyak 75.9 peratus kepada pengeluaran ikan makan negara iaitu sebanyak 1.33 juta metrik tan dengan nilai sebanyak RM10.8 bilion. Diikuti oleh aktiviti akuakultur sebanyak 23.7 peratus dan perikanan darat sebanyak 0.3 peratus. Seterusnya, *next slide*.

Industri perikanan tangkapan disokong oleh seramai 114,749 orang nelayan dengan 48,493 buah *vessels* berdaftar yang menangkap ikan mengikut zon yang telah ditetapkan seperti di layar itu. [Merujuk kepada *slaid*] Kita ada zon A. Zon A kita ada 40,815 buah *vessels* dengan 70,272 orang nelayan yang merupakan penyumbang terbesar pendaratan ikan iaitu sebanyak 463,147.8 tan metrik atau 34.9 peratus. Diikuti dengan zon C. Zon C, 27.7 peratus. Zon B, 25.4 peratus. Zon C – ada C2 dan C3, masing-masing *contribute* lebih kurang 12 peratus. *Next slide*.

Jadi secara amnya, zon A merupakan perairan kosong hingga lima batu nautika yang dikhususkan untuk aktiviti perikanan tradisional di mana hanya *vessels* kurang daripada 40 GRT yang menggunakan peralatan tradisional dibenarkan menangkap ikan di zon ini dan ia hanya boleh diusahakan oleh nelayan tempatan sahaja. Bagi zon A di Kedah, Perak dan Selangor, di Pantai Barat Semenanjung pula, bermula satu hingga lapan batu nautika. Ini adalah kerana kosong hingga satu batu nautika telah ditetapkan sebagai zon konservasi di mana ia hanya dibenarkan untuk aktiviti akuakultur kerang, penglibatan komuniti nelayan. Di kawasan ini merupakan tempat pembiakan ikan secara semula jadi dan perlu kita pelihara untuk membantu sumber perikanan yang berterusan. Seterusnya – *slaid* yang seterusnya.

Jadi, bagi melindungi sumber di kawasan perairan pantai zon A, aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan memberi fokus kepada kesalahan pencerobohan zon penangkapan ikan, penggunaan bubu naga dan rawa surong, alat tangkapan yang mana ia merupakan kesalahan yang memberi kesan langsung ke atas sumber di zon A. Bubu naga ini merupakan peralatan menangkap ikan yang efisien di mana ia tidak selektif dan sangat efektif untuk menangkap pelbagai jenis ikan dan udang di perairan pantai yang merupakan kawasan pembiakan ikan. Manakala rawa surong pula tadi, merupakan kaedah penangkapan ikan secara tujahan di sepanjang dasar laut dengan menggunakan bot berjentera, di mana kaedah ini merosakkan permukaan dasar laut yang juga merupakan tempat pembiakan ikan.

Pencerobohan zon menangkap ikan oleh *vesse/s* komersial pula yang mengaut sumber yang tersedia untuk nelayan zon A yang kebanyakannya rata-rata adalah nelayan tradisional. Jadi, berpandukan kepada rekod kesalahan kita, ketiga-tiga kesalahan ini merupakan kesalahan yang tinggilah yang direkodkan pada tahun bermula 2018 sehingga 2021. Namun begitu, kita mendapati ada sedikit penurunanlah bagi kesalahan ini yang mungkin disebabkan oleh aktiviti penguatkuasaan yang hebat telah dilaksanakan.

■1200

Jadi penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia adalah bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan melindungi sumber dan bukannya bersifat punitif semata-mata.

Seterusnya, penguatkuasaan Akta Perikanan 1985...

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Hj Mohd

Dun: Dato', mohon maaf Dato', bertanya. Nampaknya pencerobohan ini berlaku juga di Zon A di mana nelayan tradisional kita yang terlibat. Mereka ini orang yang memerlukan untuk kita *protect them, you know. They are the poor you know, really not the rich fishermen.*

Dato' Haslina bt Abdul Hamid: Ya. Yang Berhormat Beaufort, ada antara mereka yang menggunakan peralatan yang kita tidak benarkanlah. Ia merosakkan kawasan pembiakan ikan.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Hj Mohd

Dun: Pencerobohan ini daripada mana? Hmm?

[Seorang Ahli berucap tanpa menggunakan pembesar suara]: Nelayan B, Nelayan C. Dia yang masuk. B masuk, A nanti...

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Hj Mohd

Dun: *The big one* masuk dalam kawasan tradisional.

Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman: Ya, pencerobohan daripada nelayan tempatan juga, makna dia tidak dibenarkan— mereka memasuki kawasan Zon A itu, seperti mana kita tidak benarkan mereka menangkap ikan, *especially* peralatan komersial iaitu peralatan pukut tunda dan juga pukut jerut lah.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi. Jadi saya ingin tahu kerana saya pun pernah membaca berita-berita tentang penguatkuasaan tersebut tetapi nelayan Zon B, ada yang mengadu bahawa kapal pukut tunda mereka memang tidak sesuai untuk beroperasi di luar lapan nautika kerana kapal mereka terlalu kecil dan goyang sangat, so mereka lebih suka masuk ke lebih dekat dengan daratlah, di bawah— so apa pandangan daripada Jabatan Perikanan Malaysia tentang aduan tersebut.

Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman: Okey, so yang ini memang kita sudah ambil perhatian. Bagi bot-bot pukut tunda atau pun bot yang kurang daripada 25 GRT, memang kita benarkan mereka beroperasi di zon asal mereka, iaitu antara lebih daripada lima batu nautika. So, selepas kita mengkaji semula zon tersebut, sebenarnya kita hendak tingkatkan daripada segi jarak tersebut. Maknanya di Zon A itu akan berubah kepada lapan batu nautika. Akan tetapi berdasarkan kepada seperti mana Yang Berhormat beritahu tadi, kita telah buat *engagement* bahawa mana-mana bot yang kurang 25 GRT dibenarkan menangkap ikan di kawasan asal mereka iaitu lima batu nautika.

So memang seperti mana yang telah dimaklumkan tadi bahawa Zon A ini, daripada kosong hingga lima batu nautika memang kawasan sensitif kepada sumber. Jadi kita kena *protect, whatever it is*. Makna kalau ada pukut tunda, memang kita tidak benarkan. Itulah kesalahan-kesalahan yang berlakulah ketika ini tetapi seperti mana yang Yang Berhormat maklumkan tadi, kita sudah ambil kira bot atau pun *vessel* yang kecil ini, yang mana tidak boleh pergi lebih daripada lapan batu memang kita benarkan mereka berada - menangkap ikan di kawasan asal mereka itulah. Itu telah kita ambil tindakan. Terima kasih.

Dato' Haslina bt Abdul Hamid: Boleh teruskan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Jadi kesedaran dalam melestarikan sumber perikanan juga turut melibatkan kumpulan sasar melalui program Ketua Jaringan Perikanan (KJP) iaitu kita melantik individu dan kita beri kepercayaan. Kita melibatkan juga komuniti nelayan setempat sebagai orang perantara di antara Jabatan Perikanan Malaysia dengan komuniti perikanan, serta membantu dalam Sistem Perkhidmatan Penyampaian Jabatan Perikanan Malaysia.

Jadi misi di bawah KJP tadi itulah adalah untuk melahirkan perantara daripada kumpulan sasar yang mampu bekerjasama sebagai ejen penyampai

maklumat dan penghubung antara kumpulan sasar dengan Jabatan Perikanan Malaysia di lapangan. Program ini berbentuk sukarela dan pelantikan adalah untuk tempoh tiga tahun. Jadi berdasarkan rekod, sehingga penghujung tahun 2021, seramai 1,011 orang nelayan yang mewakili pangkalan masing-masing telah dilantik di seluruh negara. Persatuan Nelayan Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta 44 turut sentiasa dari semasa ke semasa menyalurkan maklumat pelanggaran Akta Perikanan 1985 di kawasan Zon A kepada agensi-agensi penguat kuasa bagi menjamin keselamatan dan juga kelestarian sumber di kawasan penangkapan ikan.

Selain melalui aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan bagi menyokong kepada kelestarian sumber, penyediaan kawasan *Marine Protected Area* (MPA), pulau-pulau, taman laut dan kawasan *refugia* dapat menyediakan habitat yang selamat untuk pembiakan hidupan marin tanpa gangguan aktiviti penangkapan ikan. Jadi *Marine Protected Area* juga merupakan komitmen negara di bawah *Sustainable Development Goals* yang 14 ya, bagi memelihara sekurang-kurangnya 10 peratus dari kawasan pantai dan marin. Setakat sekarang ini, kita telah mencapai 5.3 peratus kawasan perairan yang telah digazetkan sebagai *Marine Protected Area*.

Sedia ada sebanyak 42 buah pulau telah diwartakan sebagai Taman Laut dan Jabatan Perikanan Malaysia sedang dalam cadangan untuk menambah dua lagi pulau Taman Laut yang baharu masing-masing di Melaka dan juga Perak. Di Melaka, gugusan Pulau Undan dan di Perak adalah Pulau Sembilan, *on going, the process*. Jabatan Perikanan Malaysia juga telah menubuhkan dua kawasan *refugia* bagi udang kara dan udang harimau, masing-masing di Tanjung Leman, Johor dan juga di Miri, Sarawak.

Seterusnya, kita juga melabuhkan...

Tuan Pengerusi: Dato', balik kepada slaid tadi itu.

Dato' Haslina bt Abdul Hamid: Ya, yang...

Tuan Pengerusi: Saya cuma hendak tanya berkenaan dengan kawasan *Marine Protected Area* (MPA) ini, so ada beberapa kawasan telah pun diwartakan seperti yang dijelaskan tadi. Saya hendak mendapatkan penjelasan atau pun maklumat berkenaan sama ada selepas pewartaan MPA ini, *are there any illegal activities* atau pun pencerobohan yang dapat dikesan?

Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Memang ada kita kesan. Contohnya, ialah di mana kawasan dua batu nautika pulau-pulau di Taman Laut dikatakan sebagai *no-take zone*, so memang ada lah kita kesan, memang ada nelayan yang pergi menangkap ikan di sana dan sebagainya,

terutamanya nelayan tradisional di situlah. Akan tetapi kita sudah buat *engagement* dan dalam hal ini, dari segi penguatkuasaan memang kita ada satu unit khas untuk menguatkuasakan semua Taman-taman Laut ini. Memang setiap pulau tersebut ada kita punya Pusat Pengawasan Taman Laut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sila teruskan, Dato'.

Dato' Haslina bt Abdul Hamid: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Di samping itu, kita juga, di bawah Jabatan Perikanan Malaysia ya, telah pun melabuhkan tukun-tukun tiruan lah di perairan negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Ini adalah bertujuan untuk memastikan kita sediakan habitat pembiakan ikan. Berdasarkan rekod kita, sepanjang tahun 2016 sehingga 2021, kita telah melabuhkan sebanyak 1,641 unit tukun tiruan di seluruh negara.

DOF juga telah pun mengambil tindakan dengan membuat pindaan Akta Perikanan pada 2019 dan telah diwartakan pada 30 September 2019 dengan meningkatkan kadar denda sebagai langkah pencegahan bagi membanteras pencerobohan *vesse/s* penangkapan ikan asing dan juga yang melanggar akta – yang tempatan yang melanggar akta, agar kita dapat melindungi sumber perikanan yang terancam, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Jadi sebagai rumusan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan semua Ahli PAC, pengawasan dan penguatkuasaan di bawah DOF MAFI, kita laksanakan supaya aktiviti penangkapan ikan ini mematuhi syaratlah dan peraturan yang telah kita tetapkan di bawah Akta Perikanan 1985 yang melibatkan aktiviti termasuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan penangkapan ikan. Matlamat utama kita ini adalah untuk melindungi dan memulihara sumber perikanan negara supaya mampan dan kekal. *Of course* kita hendak memastikan bekalan sumber makanan negara pada masa sekarang dan juga generasi akan datang ini selaras dengan agenda Sekuriti Makanan Negara yang kita rasa menjadi satu *challenge* yang perlu kita tangani sekarang ini.

■1210

Sekian terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Dato' Haslina. So, ini untuk syor yang kelima. Ada soalan ataupun penjelasan yang lanjut yang diperlukan atau secara keseluruhan untuk kelima-lima syor sama ada Ahli-ahli PAC semua ada apa-apa pertanyaan lanjut? Ya, sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanyakan tentang isu bilangan tukun tiruan. Apakah faktor yang memberi kesan kepada jumlah yang berbeza? Contohnya, di Melaka hanya 14 berbanding dengan

Sarawak sebanyak 556. Adakah bergantung pada keupayaan dan kesediaan kerajaan negeri?

Haji Mohd Sufian bin Sulaiman: Terima kasih, Yang Berhormat. Okey, so tukun ini bergantung kepada dasar. Dasar tanah di bawah sanalah. So, kita ada bermacam-macam jenis tukun. Tukun dasar lembut, tukun kuboid, tukun karang, tukun mencegah pukut tunda dan sebagainya. So, *based* kepada *research* kita sebagainya, kita berpandukan kepada keadaan situ, kita akan tentukanlah berapa banyak tukun yang boleh dibuat.

Walau bagaimanapun, memang nampak ada perbezaan tersebut. Namun demikian, kita telah *identified*. Kawasan ini contohnya, ia punya maksimumnya berapa banyak tukun boleh dibuat. So, memang itulah dia. Oleh sebab itu, kita mohon peruntukan *every year*. So, memang peruntukan telah pun kita dapat *every year* untuk menambah tukun-tukun tersebut. So, dalam hal ini, peruntukan tersebut digunakan jugalah untuk memantau apakah kesannya tukun-tukun ini dan kita telah buat dokumentari berhubung dengan kesan tukun ini dan ia memang memberi kesan yang positif terhadap sumber kita. Maknanya, kawasan itu menjadi kawasan rumah ikan untuk pembiakan dan sebagai perlindungan.

Dalam masa yang sama, contohnya tukun mencegah pukut tunda pun telah memberi kesan di mana pencerobohan pukut tunda di kawasan-kawasan tersebut dapat dikurangkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Ada yang lain? Okey, jika tidak ada maka selesailah untuk prosiding sesi maklum balas berkenaan dengan laporan PAC pada pagi ini dan saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Datin Rashidah, Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan, Dato' Haslina dan juga pegawai-pegawai kanan kementerian yang lain yang telah pun tampil ke PAC untuk memberikan maklum balas berkenaan dengan laporan PAC.

Secara prosedurnya, pihak PAC akan menyediakan satu laporan ringkas dengan memasukkan kesemua *Hansard* dan juga dengan memasukkan apa kata maklum balas yang diberikan oleh pihak kementerian sebagai satu laporan tindakan susulan daripada PAC. Mungkin saya ingin memaklumkan khasnya kepada Kementerian Dalam Negeri, Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan, yang mana sekiranya apa yang dibentangkan tadi itu ada melibatkan apa-apa isu yang melibatkan keselamatan negara yang tidak boleh disiarkan, saya minta supaya kementerian berhubung dengan pihak sekretariat, so *that* kita boleh melindungi segala maklumat sensitif ataupun maklumat-maklumat yang melibatkan keselamatan negara.

So, itu khasnya untuk syor nombor satulah. Untuk syor yang lain-lain, saya nampak memang tidak menjadi masalah. So, juga terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli yang hadir pada pagi ini, pihak sekretariat, pihak *ex-officio* yang telah memberikan pandangan dan dengan ini saya menamatkan prosiding pada tengah hari ini. Sekian daripada saya, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.14 tengah hari]